

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"BETA juga telah memperkenankan penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong bagi tujuan menjana aktiviti perekonomian serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di daerah ini".  
- Titah Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara 2020.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان  
MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, sesungguhnya Kami tidak mensia-siakan pahala sesiapa yang memperbaiki amalannya".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kahfi :30.

Waktu Sembahyang

IMSAK 4.47 SUBUH 4.57 SYURUK 6.15 DUHA 6.37 ZUHUR 12.22 ASAR 3.29 MAGHRIB 6.28 ISYAK 7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 44

11 APRIL 2020 / 1441 شعبان 17

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

## IHP Februari 2020 meningkat 1.4 peratus

Siaran Akhbar :  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 April. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Februari 2020 meningkat sebanyak 1.4 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Februari 2019.

Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 1.0 peratus. Manakala, harga bukan makanan mencatatkan peningkatan sebanyak 1.5 peratus.

Peningkatan IHP adalah didorong oleh peningkatan harga juga kos Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (11.4 peratus); Restoran dan Hotel (5.0 peratus); juga Makanan dan Minuman Ringan (1.0 peratus).

Walau bagaimanapun, peningkatan IHP ini diimbangi oleh penurunan harga dan kos Pengangkutan (3.1 peratus) juga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (1.6 peratus).

Ke muka 12

## Satu kes baharu dicatatkan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

BERAKAS, Jumaat, 10 April. - Negara Brunei Darussalam mencatatkan satu lagi kes baharu yang disahkan dijangkiti COVID-19, membawa jumlah keseluruhan kes jangkitan berkenaan di negara ini seramai 136 orang.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara itu pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei

Darussalam, di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat menegaskan, kes baharu itu membuktikan bahawa negara ini masih lagi berada di bawah ancaman wabak COVID-19, khususnya kemasukan virus dari luar negara, di samping mengingatkan orang ramai untuk terus berjaga-jaga dan tidak leka.

Ke muka 3

## 564 panggilan kebakaran hutan, rumput diterima

Siaran Akhbar : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) memasuki tempoh peralihan monsun dan dijangka berterusan hingga hujung Mei atau awal Jun. Tempoh ini adalah tempoh peralihan dari Monsun Timur Laut ke Monsun Barat Daya. Sepanjang tempoh ini, ketiadaan Laluan Angin Monsun membolehkan kesan angin tempatan untuk memainkan peranan yang

penting dalam mempengaruhi cuaca harian kita.

Oleh itu, berdasarkan rekod klimatologi, kekerapan kejadian ribut petir adalah tinggi semasa tempoh peralihan monsun ini dengan purata hari-hari yang berhujan bagi April ialah 17 hari dan bagi Mei ialah 18 hari.

Ke muka 10

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

## Berita Utama



PELAKSANAAN pengajaran, pembelajaran secara online diteruskan  
Muka 4



HADIRI Mesyuarat Virtual Menteri-Menteri Kesihatan perangi COVID-19  
Muka 7



E-INFO Sejarah, mudahkan orang ramai dekati sejarah Brunei  
Muka 19



HARGAI frontliners!  
Muka 22

## STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 10 APRIL 2020, 5:00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN 136

JUMLAH KEMATIAN 1

JUMLAH KES YANG SEMBUH 99

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

Waktu operasi 24 jam setiap hari



# Pegang teguh pada aspirasi didik generasi muda Brunei

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

**A**LHAMDULILLAH, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita berkumpul di sini bagi Konvensyen Pemimpin Sekolah 2020 Ke-2 dengan tema 'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti'. Konvensyen ini adalah satu majlis khas untuk kita semua bersama-sama berkongsi pengetahuan baharu, bekerjasama dan memberi inspirasi kepada satu sama lain untuk melakukan lebih baik pada tahun ini. Konvensyen ini juga berfungsi sebagai satu peluang penting bagi kita dalam kementerian untuk memikirkan tentang kerja-kerja kita pada tahun lepas dan berkongsi inisiatif baharu yang akan menyokong sekolah dan pemimpin sekolah dalam menyampaikan pendidikan yang lebih berkualiti.

Saya secara peribadi menunggu acara penting ini dalam kalendar Kementerian Pendidikan kerana pandangan dan perspektif kolektif awda, terutama mengenai pendidikan tentang bagaimana kita membentuk para pelajar kita ke arah yang lebih baik adalah penting bagi saya. Sebagai seorang pemimpin sekolah, awda memainkan peranan penting dalam membuat perubahan kepada kehidupan mereka. Saya yakin dan percaya bahawa awda mampu membuat perubahan ini dan memimpin sekolah dengan baik.

Kita boleh melihat semula pada tahun lepas dengan harapan dan tujuan. Pada Peperiksaan PSR, keputusan 'O' dan 'A' Level menunjukkan peningkatan positif. Kita juga gembira bahawa dalam Kajian Utama PISA 2018, kanak-kanak Brunei berusia 15 tahun menunjukkan peningkatan yang ketara dalam ketiga-tiga domain utama berbanding dengan prestasi dalam Ujian Berasaskan PISA untuk Sekolah-Sekolah (BPTS) pada tahun 2016. Ini bermakna pelajar kita bertambah baik. Pencapaian ini adalah pernyataan ikrar bahawa kerja pemimpin sekolah dan guru telah diterjemahkan ke dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Untuk terus mencapainya, kita mesti terus membangunkan organisasi sumber tenaga manusia dan infrastruktur organisasi kita secara berterusan. Pemimpin sekolah dan guru kita perlu bersedia untuk membangunkan generasi Brunei yang benar-benar bersedia untuk masa depan. Awda dipilih sebagai pemimpin sekolah kerana awda telah menunjukkan kualiti kepimpinan dan mempunyai keupayaan untuk membawa cara-cara baharu



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa berucap pada Konvensyen Pemimpin Sekolah 2020 Ke-2 pada Rabu, 2 Rejab 1441 Hijrah / 26 Februari 2020 Masihi di Dewan Canselor, UBD.**

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

untuk bekerja bersama-sama serta pemikiran baharu dalam sekolah dan pendidikan.

Adalah tanggungjawab awda untuk menjaga sekolah, memimpin guru-guru dan kakitangan awda dan mendidik pelajar untuk mencapai potensi terbaik mereka. Marilah kita sama-sama berpegang teguh pada aspirasi kita untuk mendidik generasi muda Brunei seperti yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035 dan Visi Kementerian Pendidikan mengenai 'Pendidikan Yang Berkualiti, Bangsa Yang Dinamik'.

Pelajar-pelajar kita kini memasuki dunia yang lebih mencabar yang penuh dengan ketidakpastian dan kerumitan kompleks. Dengan landskap pendidikan yang baharu, sekolah kita mesti responsif dengan terus memberikan pendidikan berkualiti tinggi yang menyediakan ruang memberi perkhidmatan kepada pelajar yang mempunyai minat dan kebolehan yang pelbagai. Kemahiran halus yang diperlukan dalam era digital tidak kurang pentingnya dengan kemahiran akademik dan kompetensi seperti kreativiti, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah.

Oleh itu, peranan awda adalah sangat signifikan. Dengan tanggungjawab yang

besar dan jangkaan banyak daripada pelbagai pihak berkepentingan yang berbeza seperti pelajar, guru, ibu bapa, komuniti dan Kementerian Pendidikan, pemimpin sekolah perlu dilengkapi dan dilatih dengan kompetensi kepimpinan yang relevan untuk memastikan penyampaian yang berkesan dan efisien. Seorang pemimpin yang efektif akan sentiasa fokus pada pawaian tinggi dengan penetapan sasaran yang realistik, berorientasikan penyelesaian, didorong data, inovatif, bertanggungjawab, menerima semula idea-idea baharu dan menumpukan pada membina komuniti sekolah yang kuat serta persekitaran profesional. Pemimpin-pemimpin sekolah dengan persiapan kepimpinan yang sentiasa bertujuan untuk mewujudkan sekolah dengan budaya sekolah positif, meningkatkan pemberdayaan individu guru untuk berinovasi (*empowerment*), memperkasakan guru untuk menghidupkan dan mengembangkan peluang pembelajaran rakan sebaya. Awda ibarat arkitek sekolah ketika awda mengubah sekolah dan memimpin perubahan dengan bekerja rapat bersama guru, ibu bapa dan masyarakat.

Peranan awda sebagai pemimpin sekolah merupakan peristiwa penting dalam karier dan perjalanan kepimpinan awda. Dan kecekapan yang diharapkan daripada pemimpin sekolah. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan akan terus menyokong para pemimpin sekolah terutamanya dalam pembangunan profesional mereka.

Saya dengan sukacitanya mengambil maklum bahawa pembangunan Rangka Kerja Kompetensi Kepimpinan Sekolah Negara Brunei Darussalam dimulakan semasa Konvensyen Pemimpin Sekolah Pertama yang diadakan tahun lepas. Kemudiannya dibangunkan oleh awda pemimpin sekolah, timbalan, guru dan pegawai dari kementerian. Manakala sambil mengukurnya dengan penanda aras pawaian antarabangsa, bersama penciptaan rangka kerja ini akan memastikan bahawa ia sesuai dengan konteks tempatan dan boleh dilihat sebagai Calak Brunei. Kementerian amat menghargai sumbangan awda dan saya teruja mengongsi rangka kerja ini dalam konvensyen tahun ini.

Adalah diharapkan bahawa rangka kerja ini akan membawa profesion kepimpinan profesionalisme dan membantu mengenal pasti keperluan pembangunan profesion kepimpinan awda. Laluan Kerjaya Kepimpinan yang komprehensif berdasarkan kompetensi yang dicapai kemudiannya dapat dikembangkan selaras dengan tujuan strategik kita untuk mengubah sumber manusia kami ke arah budaya yang berpandukan prestasi.

Ke muka 8

## Dari Sidang Pengarang.

11 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 شعيان 17

### JURURAWAT, BIDAN KOMITED BERIKAN RAWATAN TERBAIK

**P**ROFESION kejururawatan adalah amat penting dalam memastikan kesihatan dan keperluan pesakit yang dirawat berada dalam keadaan baik dan sempurna. Oleh itu, peranan dan tugas sebagai Jururawat tidak seharusnya diambil ringan oleh setiap lapisan masyarakat. Mereka ini merupakan tenaga profesional yang menjadi barisan hadapan dalam memberikan rawatan yang terbaik kepada pesakit, khususnya pada masa ini negara kita berdepan dengan pandemik wabak COVID-19.

Sehubungan itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menjadikan dan mengisytiharkan tahun 2020 sebagai Tahun Antarabangsa Bagi Jururawat dan Bidan untuk menonjolkan dan memaparkan perkembangan terkini para Jururawat di seluruh dunia, di samping pihak akan memberikan beberapa siri cadangan kepada setiap negara mengenai cara-cara untuk meningkatkan kapasiti dan tenaga kerja profesional kejururawatan dan kebidanan.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan beliau bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia 2020 baru-baru ini.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa profesion kejururawatan dan bidan dipandang mulia dan adalah juga antara kerjaya yang terpilih di dalam Islam, di mana sejak lebih 170 tahun, profesion kejururawatan dan kebidanan adalah tulang belakang yang memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan di mana sahaja mereka berada di dunia ini.

Para Jururawat dan Bidan ini menumpukan masa dan kepakaran mereka, bahkan sering kali berdepan dengan risiko dan bahaya, demi menjaga dan merawat pesakit-pesakit mereka dan seperti di negara-negara yang lain juga, setiap hospital di Negara Brunei Darussalam (NBD) memerlukan banyak khidmat para Jururawat yang berkemahiran. Oleh yang demikian, para Jururawat dan Bidan adalah di antara profesion kesihatan yang sentiasa berusaha dan proaktif dalam memperkembangkan dan memperluaskan pengetahuan dan kemahiran mereka, di samping menghadapi pelbagai cabaran termasuk tren kehidupan, teknologi dan juga harapan tinggi daripada doktor-doktor dan personel kesihatan yang lain, mahupun orang ramai.

Yang Berhormat juga turut menyatakan dalam mengatasi isu-isu semasa, terutama dalam menangani jangkitan wabak COVID-19, para pekerja kesihatan di barisan hadapan (*frontliners*), para Jururawat dan Bidan, semuanya berhadapan dengan pelbagai dugaan yang sangat mencabar.

Mereka ini sentiasa memberikan komitmen yang tinggi, termasuklah dalam memberikan rawatan dan penjagaan pesakit yang berkualiti tinggi; meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai wabak COVID-19; memberikan nasihat-nasihat serta ketenangan dalam menangani kebimbangan serta persoalan para pesakit mengenai COVID-19; dan segelintir daripada mereka juga membantu dalam mengumpul data-data untuk kajian klinikal, bahkan mereka sanggup berjauhan dari keluarga mereka dan berdepan dengan bahaya virus tersebut demi memikul tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi untuk memberikan rawatan.

Dengan yang demikian, tanpa adanya para jururawat dan bidan dalam menjalankan tugas mereka, sudah setentunya sistem penjagaan kesihatan bagi COVID-19 di negara ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik. Semoga para pekerja kesihatan di barisan hadapan diberikan ketabahan dan kekuatan bagi menangani wabak COVID-19 yang melanda negara pada masa ini. Oleh itu, kita semua bertanggungjawab untuk mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi sama-sama membendung wabak ini daripada merebak. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

### RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
33 26 °C	32 26 °C	30 26 °C
<b>PEKAN BANGAR</b>		
32 26 °C	32 26 °C	29 25 °C
<b>PEKAN TUTONG</b>		
31 26 °C	32 26 °C	30 25 °C
<b>KUALA BELAIT</b>		
33 26 °C	32 26 °C	30 25 °C

Wallahualam Blesawab  
Jabatan Kaji cuaca  
Brunei Darussalam  
www.met.gov.bn

Talian Cuaca  
**114**

Brunei WX  
App

## WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	SABTU	17	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.28	7.37
12	AHAD	18	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	ISNIN	19	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	SELASA	20	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37
15	RABU	21	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
16	KHAMIS	22	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	JUMAAT	23	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC  
123 | 2380214

# Satu kes baharu dicatatkan

Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat, kes baharu tersebut, berumur 28 tahun dan merupakan seorang warga tempatan yang menuntut di Indonesia.

"Beliau menaiki pesawat Penerbangan Malaysia MH0872, tempat duduk 3A, ke Kuala Lumpur pada 7 April 2020, seterusnya pulang ke tanah air dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI874, tempat duduk 36D, pada 8 April 2020," jelas Yang Berhormat.

Bagaimanapun kata Yang Berhormat, beliau tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.

Yang Berhormat juga mengongsikan, berdasarkan kes-kes yang pernah menerima rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan, jangka masa paling cepat bagi kes untuk sembuh setakat ini adalah selama 14 hari dan paling lama, 24 hari.

"Sementara itu, sebanyak tujuh kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembuh dan dibenarkan pulang ke rumah, membawa jumlah keseluruhan yang sembuh kepada 99 orang," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat memberitahu, masih terdapat 36 kes aktif masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada masa ini.

"Dua orang masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan, manakala selebihnya dalam keadaan baik," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut memaklumkan, hanya 74 orang sahaja yang masih menjalani kuarantin pada hari ini.

"Jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah sebanyak 2,308 orang.

"Sementara itu, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 357 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 9,342 ujian," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat mengingatkan orang ramai untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan.

"Terutama sekali sentiasa



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19.

mengamalkan penjarakan fizikal dan sosial dengan mengelakkan dan menjauhi daripada beramai-ramai mengunjungi gedung perniagaan, tamu, pasar, kedai runcit seperti yang disarankan," tambah Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat turut menekankan agar orang ramai mematuhi larangan perkumpulan ramai, selain melakukan amalan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa.

# MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## Sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dilanjutkan

Kementerian Pendidikan melalui nasihat Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pelajar-pelajar, Kementerian Pendidikan telah memutuskan agar pelajar-pelajar terus berada di rumah sepanjang sesi persekolahan penggal kedua dan untuk meneruskan pelaksanaan pengajaran serta pembelajaran secara dalam talian (*online*).

Arahan tersebut termasuklah bagi semua sekolah-sekolah rendah, menengah, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang berada di bawah kawalan Kementerian Pendidikan termasuk semua sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan sekolah-sekolah swasta bermula 13 April 2020 hingga 14 Mei 2020.

## Cuti khas persekolahan Ramadan dan Aidilfitri bermula 15 Mei 2020

Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa cuti khas persekolahan bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri akan bermula pada 15 Mei hingga 31 Mei 2020.

Manakala sesi persekolahan penggal kedua seterusnya bagi semua sekolah-sekolah rendah, menengah, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan juga semua sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama, serta sekolah-sekolah swasta akan dimulakan pada 2 Jun 2020. Bagi sekolah-sekolah antarabangsa, ia adalah tertakluk kepada tarikh yang telah ditetapkan oleh institusi masing-masing.

## Lakukan kegiatan fizikal, kekalkan kesihatan tubuh badan

Dalam menghadapi penularan jangkitan wabak COVID-19, orang ramai adalah disarankan untuk membuat kegiatan fizikal dan mengaktifkan diri sekurang-kurangnya 30 minit sehari bagi orang dewasa dan 60 minit sehari bagi kanak-kanak.

Ini adalah untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan dan seterusnya bagi mencegah daripada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit yang boleh dikawal dengan membuat kegiatan fizikal.

Aktiviti fizikal tersebut bolehlah dibuat di dalam rumah, di sekitar halaman rumah atau di taman-taman rekreasi secara persendirian dan bukannya secara berkumpulan serta sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal di antara orang di sekeliling.

## Peranan jururawat, bidan dihargai

Para profesional jururawat dan bidan di negara ini telah banyak memberikan khidmat penjagaan dan perlindungan kesihatan kepada setiap lapisan masyarakat, sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia baru-baru ini yang membawa tema 'Beri Sokongan Kepada Para Jururawat dan Bidan' (Support Nurses and Midwives).

Para jururawat dan bidan merupakan antara barisan hadapan (*frontliners*) yang banyak mengorbankan masa dan tenaga, serta rela berhadapan dengan risiko dan bahaya demi menjaga dan merawat pesakit-pesakit, ketika negara kita dilanda musibah wabak COVID-19 ini, malah para jururawat sentiasa memberikan komitmen yang tinggi, termasuklah dalam memberikan rawatan dan penjagaan pesakit yang berkualiti tinggi dan tidak dapat dinafikan lagi, profesion kejururawatan dan kebidanan ini adalah satu profesion yang terpuji.

## 9,342 ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan

Sebanyak 357 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 dalam tempoh 24 jam yang lalu dengan membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 9,342 ujian.

Oleh itu, orang ramai adalah diingatkan untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan, terutama sekali sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan sosial dengan mengelakkan dan menjauhi daripada beramai-ramai mengunjungi gedung perniagaan, tamu, pasar, kedai runcit seperti yang disarankan.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

Waktu Operasi 24 jam setiap hari

کمنترین کواشن دان ایکنومی  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM

## MAKLUMAN

### PEMBAYARAN PENCEN

### PERKHIDMATAN/PENCEN TURUNAN

### (BALU DAN TANGGUNGAN) MELALUI BANK

- 1** MUAT TURUN & ISI BORANG YANG DIPEROLEHI DARI **WWW.MOFE.GOV.BN**
- 2** IMBAS (SCAN) ATAU GAMBAR DOKUMEN:
  - ✓ BORANG
  - ✓ KAD PINTAR
  - ✓ NOMBOR AKAUN BANK
- 3** HADAPKAN MELALUI APLIKASI WHATSAPP ATAU E-MEL:
  - 7373222**
  - PENCEN@TREASURY.GOV.BN**

www.mofe.gov.bn  
+673 2383444

@mofebrunei

# COVID-19 : Tiada kes baharu dicatat, 43 kes masih dirawat

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 April. - Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam melaporkan tidak ada kes jangkitan baharu COVID-19 di negara ini setelah lima hari berturut-turut, di mana jumlah keseluruhannya masih kekal sebanyak 135 kes setakat ini.

Sementara itu, satu lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, yang membawa jumlah keseluruhan yang sembuh menjadi 92 orang.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam berkata bahawa terdapat 42 kes ketika ini masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, di mana dua orang masih lagi dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO), manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Pada hari ini juga, jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah sebanyak 2,293 orang dan hanya 91 orang sahaja yang masih lagi menjalani kuarantin, jelas Yang Berhormat

lagi.

Sementara itu, ujar Yang Berhormat lagi dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 337 buah sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 8,985 ujian.

"Seperti yang dimaklumkan baru-baru ini, Kementerian Kesihatan dalam mempertingkatkan pemantauan penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini menjalankan ujian secara rambang (*random*), khususnya dalam kalangan pekerja-pekerja asing dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga di kalangan kumpulan-kumpulan tertentu.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa bagi tujuan pengawasan, sejumlah 374 ujian telah dijalankan di mana kesemua keputusan ujian adalah negatif setakat ini," jelas Yang Berhormat lagi.

Dalam kebimbangan menghadapi penularan jangkitan wabak COVID-19, Yang Berhormat juga ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk tidak lupa membuat kegiatan fizikal dan mengaktifkan diri sekurang-kurangnya 30 minit sehari bagi orang dewasa dan 60 minit sehari bagi



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) bersama Yang Berhormat Menteri Pendidikan (kanan) ketika hadir pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

kanak-kanak.

Ini adalah untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan dan seterusnya bagi mencegah daripada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit yang boleh dikawal dengan membuat kegiatan fizikal, terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa aktiviti fizikal bolehlah dibuat di dalam rumah, di sekitar halaman rumah atau di taman-taman rekreasi secara persendirian dan bukannya

secara berkumpulan serta sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal di antara orang di sekeliling.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman

Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

## Pelaksanaan pengajaran, pembelajaran secara *online* diteruskan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan pada Sidang Media tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 April. - Kementerian Pendidikan melalui nasihat Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pelajar-pelajar, Kementerian Pendidikan telah memutuskan agar pelajar-pelajar terus berada di rumah sepanjang sesi persekolahan penggal kedua dan untuk meneruskan pelaksanaan pengajaran serta pembelajaran secara dalam talian (*online*).

Arahan tersebut, termasuklah bagi semua sekolah rendah,

menengah, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang berada di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, termasuk semua sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan sekolah-sekolah swasta bermula 13 April 2020 hingga 14 Mei 2020. Sementara, sekolah-sekolah antarabangsa adalah tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh institusi masing-masing.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman memaklumkan perkara itu semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, seterusnya berkata bahawa cuti khas persekolahan bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri pula akan bermula pada 15 Mei hingga 31 Mei 2020.

"Dengan itu, sesi persekolahan penggal kedua seterusnya bagi semua sekolah-sekolah rendah, menengah, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan juga semua sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama, serta sekolah-sekolah swasta akan dimulakan

pada 2 Jun 2020. Bagi sekolah-sekolah antarabangsa, ia adalah tertakluk kepada tarikh yang telah ditetapkan oleh institusi masing-masing," jelas Yang Berhormat lagi.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat seterusnya menerangkan tarikh tersebut serta pelaksanaannya adalah masih tertakluk kepada perkembangan jangkitan pandemik COVID-19 juga nasihat daripada Kementerian Kesihatan, di mana akan dimaklumkan kemudian.

"Pihak sekolah juga akan terus mengaktifkan Business Continuity Plan (BCP) masing-masing sepanjang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi menjaga kesejahteraan guru-guru dan warga sekolah.

Pelaksanaan kaedah Work From Home (WFH) adalah masih menggunakan kaedah *flexible working arrangements* bagi semua warga perkhidmatan awam selaras dengan kenyataan di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2020," jelas Yang Berhormat lagi.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenainya, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Gerakan COVID-19 Kementerian Pendidikan menerusi talian +673 2382396 (pada waktu pejabat sahaja).



**SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?**

Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda



demam



batuk



selsema

**Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.**



Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan berwarna menghadap keluar.



Pastikan lanya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.



Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.



Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.



Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika lanya kotor atau basah.



Imbas di sini untuk keterangan lanjut

[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)  123

# COVID-19 : Tiada kes baharu dicatatkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tidak ada kes baharu yang disahkan dijangkiti COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), di mana jumlah keseluruhannya kekal sebanyak 135 kes.

Sementara itu, enam lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, yang membawa jumlah keseluruhan yang sembuh kepada 91 orang.

Namun, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD menjelaskan, terdapat 43 kes ketika ini masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan di mana dua orang masih dalam keadaan kritikal

dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan, manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

"Pada hari ini juga, jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah sebanyak 2,281 orang dan hanya 94 orang sahaja yang masih menjalani kuarantin. Manakala dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 203 sampel diuji bagi Virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 8,648 ujian," jelasnya lagi pada Sidang Media yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Walaupun hari ini adalah hari keempat negara ini tidak melaporkan sebarang kes baharu

**"KITA semua mahukan keadaan pulih seperti biasa dengan secepat mungkin, namun ia akan sukar dicapai tanpa adanya kerjasama yang padu dari semua pihak, dari pelbagai lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang atau umur. Negara kita masih berada di bawah ancaman kemasukan virus ini dari luar negara".**

## Jangan buat perkumpulan, patuhi arahan!

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar melarang orang ramai untuk tidak membuat perkumpulan, terutama di bilik hotel dalam membendung penularan wabak COVID-19, apatah lagi ia melibatkan minuman keras dan sebagainya, di mana ia boleh melanggar kesalahan.

Perkara ini ditekankan oleh Yang Berhormat semasa menjawab soalan di sesi soal jawab pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang

diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Mengenai kejadian tiga orang yang didapati cuba melarikan diri di hotel itu pula, Yang Berhormat menjelaskan bahawa mereka itu bukanlah yang mengikuti tempoh pengasingan diri (*isolation*), malah mereka adalah yang mengikuti perkumpulan tersebut, di mana mereka cuba melarikan diri dengan terjun ke tingkat tiga dan kemudiannya ke bilik orang yang sedang menjalani pengasingan diri dan mereka ini tidak perlu dikuarantin.

Sehubungan itu, Yang Berhormat mengingatkan sekali

COVID-19, namun Kementerian Kesihatan tegasnya mengingatkan kepada orang ramai untuk terus meneruskan melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan, khususnya dengan melakukan amalan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa.

Justeru itu, Yang Berhormat menyeru sekali lagi agar orang ramai untuk sentiasa mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*) dan mematuhi larangan perkumpulan ramai (*mass gathering*) yang ada pada masa sekarang dan di mana dikeluarkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Kesemua langkah yang sedang dilaksanakan ini menurut Yang Berhormat, adalah semata-mata untuk memastikan wabak COVID-19 dapat terus dikawal, di samping untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

"Kita semua mahukan keadaan pulih seperti biasa dengan secepat mungkin, namun ia akan sukar dicapai tanpa adanya kerjasama yang padu dari semua pihak, dari pelbagai lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang atau umur. Negara kita masih berada di bawah ancaman kemasukan virus ini dari luar negara," ujarnya lagi.

Pada kesempatan itu juga, Yang Berhormat turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua para profesional Jururawat dan Bidan di negara ini yang banyak memberikan khidmat penjagaan dan perlindungan kesihatan kepada setiap lapisan masyarakat, sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia baru-baru ini yang membawa tema 'Beri Sokongan Kepada Para Jururawat dan Bidan' (Support Nurses and Midwives).

Tambahnya, para Jururawat dan Bidan merupakan antara barisan hadapan (*frontliners*) yang banyak mengorbankan masa dan tenaga, serta rela berhadapan dengan risiko dan bahaya demi menjaga dan merawat pesakit-pesakit, ketika negara kita dilanda musibah wabak COVID-19 ini, malah para Jururawat sentiasa memberikan komitmen yang tinggi, termasuklah dalam memberikan rawatan dan penjagaan pesakit

yang berkualiti tinggi dan tidak dapat dinafikan lagi, profesion kejururawatan dan kebidanan ini adalah satu profesion yang terpuji.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat berharap lebih ramai lagi belia-belia akan dapat mencontohi dan memilih serta menceburi bidang kejururawatan dan perbidanan yang mulia ini.

Yang Berhormat juga memohon agar kita bersama-sama memberikan sokongan kepada para Jururawat dan Bidan, dan

seterusnya mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala membalas budi baik serta sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada para profesional Jururawat dan Bidan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).



**LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN JANGKITAN DI TEMPAT KERJA KETIKA WABAK**

**Sebagai Majikan, Awda perlu:**

- 1 AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA**

  - Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
  - Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda
- 2 GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN**

  - Jangan meludah di atas lantai atau tanah
  - Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
  - Amalkan etika batuk atau bersin
  - Elakkan berkongsi barangan peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti
- 3 NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT**
- 4 LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM**

  - Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera
- 5 PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)**

  - Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
  - Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
  - Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
  - Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
  - Pastikan pekerja awda telah melengkap tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja


**123 www.moh.gov.bn**

# Landasan bendung pandemik COVID-19 di rantau ASEAN



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan ketika bersidang melalui Persidangan Video Khas (Special Video Conference) bagi mewakili Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN (ASEAN Health Ministers Meeting - AHMM) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Plus Three (APTHMM).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 April. - Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN (ASEAN Health Ministers Meeting - AHMM) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Plus Three (ASEAN Plus Three Health Ministers Meeting - APTTHMM) bersidang melalui Persidangan Video Khas (Special Video Conference) dan mewakili Negara Brunei Darussalam di AHMM tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Persidangan Video Khas AHMM ini dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Ltg. (Ret.) Terawan Agus Putranto, MD, Ph.D, selaku Pengerusi AHMM dan menumpukan kepada topik untuk meningkatkan kerjasama dalam tindakan terhadap penularan jangkitan wabak CORONAVIRUS Disease (COVID-19).

**"KEMENTERIAN Kesihatan juga mengambil langkah-langkah untuk menegahadkan penularan jangkitan wabak COVID-19 dengan mengambil beberapa tindakan seperti sekatan perjalanan dan langkah penjarakan sosial (social distancing) serta menggunakan 'digital technology' bagi membolehkan 'remote learning' dan 'remote working' juga melancarkan kempen komunikasi bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penularan jangkitan wabak COVID-19".**

Persidangan tersebut adalah sebagai landasan penting bagi perbincangan strategik mengenai hala tuju dan bidang-bidang keutamaan kesihatan yang perlu diberi perhatian di rantau ASEAN dalam menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 dan bertujuan untuk berkongsi-sama maklumat terkini mengenai dengan tindakan menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 serta untuk mendapatkan persetujuan di dalam peningkatan kerjasama dan koordinasi di dalam pengukuhan tindak balas kebangsaan dan serantau di dalam menangani pandemik COVID-19.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam ucapannya semasa Persidangan Video Khas (Special Video Conference) AHMM menentang tindakan Negara Brunei Darussalam melalui Pendekatan Senegara (Whole of Nation Approach) yang berdasarkan dua prinsip utama; iaitu untuk

mengurangkan morbiditi dan mortaliti melalui pengesanan awal (*early detection*) dan menegahadkan penyebaran penyakit dengan mengambil beberapa tindakan tertentu untuk mengurangkan impak keperluan mendadak kepada sistem kesihatan. Ke arah pengesanan awal, Negara Brunei Darussalam berusaha di dalam mengesan setiap kes dan kontak (*contacts*) melalui peningkatan pensampelan ujian-ujian dengan menggunakan Kompleks Sukan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebagai pusat pensampelan yang beroperasi 24 jam, melaksanakan pensampelan di beberapa pusat-pusat kesihatan serta meningkatkan keupayaan makmal dengan membina sebuah Unit Diagnostik Molekular bagi Virus-virus Pernafasan (Molecular Diagnostic Unit for Respiratory Viruses).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan juga mengambil langkah-langkah untuk menegahadkan penularan jangkitan wabak COVID-19 dengan mengambil beberapa tindakan seperti sekatan perjalanan dan langkah penjarakan sosial (*social distancing*) serta menggunakan *digital technology* bagi membolehkan *remote learning* dan *remote working* juga melancarkan kempen komunikasi bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penularan jangkitan wabak COVID-19.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga mengongsikan bahawa Kementerian Kesihatan akan terus melabur dalam penjagaan kesihatan (*healthcare*) dengan menyediakan kapasiti tambahan dengan pembukaan bangunan baharu bagi Pusat Pengasingan Kebangsaan yang dilengkapi dengan kapasiti penjagaan kritikal.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyarankan bahawa inisiatif dan tindakan perlu diteruskan dan

dipertingkatkan di antara Negara-negara Ahli ASEAN dari segi pertukaran ilmu, idea-idea, amalan terbaik dan perkongsian data yang memainkan peranan penting untuk menangani penularan jangkitan wabak COVID-19.

Inisiatif serantau dalam perkongsian data dan kerjasama penyelidikan kesihatan klinikal dan awam (*clinical and public health research*) perlu dipertingkatkan dan hasil kajian ini perlu dikongsi bersama untuk menyokong Negara-negara Ahli ASEAN yang memerlukan sokongan.

Menteri Kesihatan seterusnya menekankan kepentingan untuk rantau ASEAN merancang langkah-langkah untuk *de-escalate* secara selamat dan berfasa dengan tidak tergesa untuk memberhentikan sekatan (*lift restrictions*) dengan kesefahaman bahawa ia mungkin memerlukan pendekatan secara negara-ke-negara.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan akhir sekali menyuarakan bahawa bila tiba masanya pandemik COVID-19 ini dapat diatasi, negara dan rantau ASEAN perlu membuat penyesuaian kepada situasi *new normal*, di mana akan menimbulkan kesan kepada sistem-sistem kesihatan dan ekonomi negara-negara di rantau ASEAN.

Persidangan Video Khas AHMM tersebut diikuti dengan Persidangan Video Khas APTTHMM yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Kesihatan, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Ltg. (Ret.) Terawan Agus Putranto, MD, PhD dan Menteri Kesihatan, Buruh dan Kebajikan Jepun, Tuan Yang Terutama Katsunobu Kato.

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abd. Latif turut menghadiri sesi APTTHMM selaku wakil Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Pada APTTHMM tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap

(Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abd. Latif mengutarakan kepentingan dalam mewujudkan langkah-langkah pencegahan bagi penularan jangkitan wabak COVID-19 demi untuk memastikan sistem penjagaan kesihatan tidak terjejas dalam penyampaian perkhidmatannya.

Penekanan terhadap mendapatkan ubat-ubatan asas, bahan-bahan dan peralatan perubatan, seperti peralatan keselamatan diri (Personal Protective Equipment), *hand sanitizer*, vaksin dan sebagainya tepat pada masanya, walau terpaksa menempuh perbelanjaan yang tinggi, juga diketengahkan.

Dalam hal yang demikian, Yang Mulia Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abd. Latif memberi beberapa cadangan kepada Ahli-ahli APTTHMM bagi meningkatkan kerjasama yang sedia ada, termasuklah dalam perihal memudahcarakan aktiviti logistik dalam penghantaran, pembekalan dan pembuatan barangan keperluan bagi menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 melalui Whole-of-Government Approach; menggunakan secara efektif rangkaian serantau yang sedia ada lebih-lebih lagi dengan pejabat-pejabat serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam perkongsian maklumat bagi mendapatkan barangan dan peralatan perubatan; dan melihat pada mekanisme-mekanisme yang sedia ada dalam mengurus dan menggunakan sumber-sumber dana untuk memperolehi barangan dan peralatan perubatan bagi pandemik COVID-19 adalah berdasarkan keperluan setiap negara.

Persidangan Video Khas AHMM dan APTTHMM berakhir dengan persetujuan untuk mengeluarkan Kenyataan Bersama AHMM di dalam Meningkatkan Kerjasama Mengenai Tindakan kepada COVID-19 dan juga Kenyataan Bersama APTTHMM di dalam Meningkatkan Kerjasama mengenai Tindakan kepada COVID-19.



# Hadiri Mesyuarat Virtual Menteri-Menteri Kesihatan perangai COVID-19

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 April. - Mesyuarat Virtual Menteri-Menteri Kesihatan bersama Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Rantau Pasifik Barat (World Health Organization (WHO) Western Pacific Region) mengenai Perpaduan Bersama untuk Memerangi COVID-19 (Stand in Solidarity to Combat COVID-19) yang bersidang melalui Persidangan Video, di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan yang diwakili oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Mesyuarat Virtual Menteri-Menteri Kesihatan di Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Rantau Pasifik Barat mengenai Perpaduan Bersama untuk Memerangi COVID-19 ini bertujuan untuk memberikan maklumat perkembangan terkini mengenai situasi COVID-19 di rantau Pasifik Barat; dan memberikan peluang bagi menteri-menteri kesihatan dan wakil-wakil negara dari bidang kesihatan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman dalam menangani COVID-19.

Mesyuarat Virtual tersebut dibuka dengan ucapan alu-aluan oleh Dr. Takeshi Kasai, WHO Regional Director for the Western Pacific. Turut hadir dalam menyampaikan mesej-mesej di peringkat tinggi (*high-level*) ialah Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus, WHO Director-General; The Honourable Josia Voreqe Bainimarama, Prime Minister and Minister for iTaukei Affairs and Sugar Industry of the Republic of Fiji; His Excellency Mr. Lee Hsien Loong, Prime Minister of the Republic of Singapore; His Excellency Mr. Nguyen Xuan Phuc, Prime Minister of the Socialist Republic of Viet Nam; dan Dr. Shin Young-soo, Director-General's Special Envoy for COVID-19 Preparedness and Response of the WHO and Regional Director Emeritus.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam sesi perkongsian maklumat semasa Mesyuarat Virtual tersebut mengongsikan bagaimana pengesanan bagi

kemunculan kes pertama COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan NBD, yang mana Kementerian Kesihatan bekerja rapat dengan IHR National Focal Point di Malaysia bagi pengesanan kluster COVID-19 dari Jemaah Tabligh yang menjejaskan beberapa buah negara di rantau ini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menyatakan bahawa pengalaman menyertai Joint External Evaluation (JEE) dari WHO tahun lepas di negara ini membantu dalam langkah-langkah persiapan negara dalam menangani wabak COVID-19, termasuklah pergerakan respons seluruh Kerajaan (Whole-of-Government) bagi menangani kes-kes awal COVID-19; pergerakan kakitangan kesihatan di barisan hadapan; pergerakan bantuan dari pihak polis dan tentera dalam menjejaki kontak-kontak (*contact tracing*); penyediaan tempat-tempat kuarantin yang khas melalui bantuan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC); meningkatkan keupayaan makmal dengan membina sebuah Unit Diagnostik Molekular bagi Virus-virus Pernafasan; dan penerimaan bantuan daripada pihak masyarakat dalam sama-sama membendung penularan COVID-19, sama ada berupa sumbangan derma, kerja-kerja sukarelawan atau penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan lain bagi membantu menangani wabak COVID-19 di NBD.

Yang Berhormat Menteri seterusnya mengongsikan analisis kes-kes jangkitan COVID-19 di negara ini, yang mana lebih 30 peratus daripada kes-kes tidak menunjukkan sebarang simptom (*asymptomatic*) dan terus berada dalam keadaan *asymptomatic* sepanjang jangkitan sehingga disahkan sembuh.

Yang Berhormat Menteri selanjutnya mengongsikan bahawa siasatan dekat pada kes-kes berikut menunjukkan bahawa terdapat kemungkinan berlakunya jangkitan tanpa disedari (*silent*



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan (dua, kanan) semasa Mesyuarat Virtual Menteri-Menteri Kesihatan bersama Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Rantau Pasifik Barat (World Health Organization (WHO) Western Pacific Region) mengenai Perpaduan Bersama untuk Memerangi COVID-19 (Stand in Solidarity to Combat COVID-19) yang bersidang melalui Persidangan Video di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan.

*transmission*) dalam kalangan penghidap COVID-19, di mana hasil daripada dapatan ini meningkatkan dan menggandakan lagi usaha pihak Kementerian Kesihatan untuk membuat ujian-ujian COVID-19 terhadap mereka yang disyaki dan tidak menunjukan sebarang simptom.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri mencadangkan pihak WHO untuk merevisi garis panduan teknikal yang sedia ada untuk memastikan setiap negara

akan benar-benar memberikan keutamaan pada pengesanan, pengasingan, menjalankan ujian dan merawat setiap kes, demi menghentikan rangkaian jangkitan COVID-19.

Yang Berhormat Menteri juga menyarankan bagi pihak WHO untuk menerajui bagi mengenal pasti *exit strategy* bagi mengelakkan risiko penularan semula (*risk of resurgence*), di samping membenarkan secara selamat dan berfasa bagi

pengembalian semula kepada kehidupan normal.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri juga memohon agar pihak WHO akan dapat menerajui satu proses yang boleh menentukan kriteria tertentu bagi menghentikan sekatan-sekatan secara perlahan, di samping mengambil kira kesihatan mental, emosional, sosial dan kerohanian setiap individu dan masyarakat, di mana semua memerlukan pemulihan.

## JPMC, PJSC, Gleneagles JPMC laksana langkah keselamatan

**JERUDONG,** Jumaat, 10 April. - Pandemik global COVID-19 menjadi kebimbangan utama kepada orang ramai sejak kes pertama dilaporkan di Negara Brunei Darussalam pada 9 Mac 2020.

Dengan wabak ini, pelbagai langkah berjaga-jaga dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan, seperti penutupan sementara masjid, sekolah dan pusat kecergasan, larangan sementara bagi premis-premis makanan, termasuk restoran, mengelakkan perhimpunan dan lain-lain.

Orang ramai diarahkan untuk mengamalkan penjarakan sosial dalam usaha mengawal wabak dan mencegah jangkitan.

Terdapat bukti kumpulan tertentu mungkin berisiko tinggi terkena jangkitan, terutama dalam kalangan warga emas dan mereka yang menghidap penyakit kronik. Wanita hamil dan kanak-kanak adalah golongan yang berisiko.

Sehubungan itu, tiga institusi penjagaan kesihatan, iaitu Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) dan Gleneagles JPMC mengambil langkah-langkah keselamatan untuk golongan yang terdedah bagi memastikan pesakit, saudara mara mereka dan kakitangan bertugas dilindungi.

Setiap orang berhak kepada persekitaran yang sihat dan selamat untuk kesejahteraan masing-masing. Sepanjang usaha pelaksanaan untuk mengekang penyebaran COVID-19, mereka memahami bahawa perubahan itu akan menimbulkan kesukaran dan mereka menghargai akan kesabaran juga pemahaman orang

ramai mengenainya.

Oleh itu, perubahan dalam operasi harian mereka sedang dilaksanakan pada masa ini untuk melindungi para pesakit, saudara mara mereka dan kakitangan mereka yang bertugas.

Tiga kompleks kesihatan Jerudong, iaitu JPMC, PJSC dan Gleneagles JPMC melaksanakan langkah berjaga-jaga atas nasihat Kementerian Kesihatan, seperti berikut : Semua premis di dalam kompleks kesihatan dibersihkan secara menyeluruh dan teratur.

Di samping itu, semua pelawat akan diperiksa sebelum memasuki kompleks kesihatan. Mana-mana pelawat yang berasa tidak sihat atau mengalami gejala demam, batuk dan selesema dinasihatkan agar tidak memasuki mana-mana hospital untuk mengelakkan penyebaran penyakit.

Mereka turut menghadkan jumlah pelawat ke premis (seperti klinik, wad, farmasi, jabatan pemulihan untuk fisioterapi, *occupational therapy* dan / atau perkhidmatan terapi pertuturan atau kawasan pesakit yang lain) kepada hanya seorang untuk setiap pesakit. Sekiranya lebih daripada seorang menyertai pesakit, beliau akan diminta menunggu di luar premis.

Semasa waktu lawatan, hanya seorang pelawat bagi setiap pesakit yang dibenarkan pada satu masa dan selama 30 minit sahaja. Di samping itu, kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan melawat pesakit.

Pembedahan juga ditangguhkan buat sementara waktu, termasuk pakej pemeriksaan kesihatan dan promosi untuk mengurangkan bilangan kehadiran dalam Klinik Pesakit Luar dan di kompleks kesihatan.

Hanya pembedahan dan prosedur segera dan kecemasan juga pembedahan kanser akan dilaksanakan sehingga notis selanjutnya.

Untuk mengelakkan kesesakan dan penjarakan fizikal yang rapat, penjarakan tempat duduk diatur pada ruang tempat duduk dan dalam bas ulang-alik.

Bergantung pada saiz ruang yang ada, mereka juga menghadkan bilangan orang yang menggunakan surau dan lif menjadi maksimum empat atau lima orang sahaja pada satu-satu masa, selain dinasihatkan untuk tidak berjabat tangan.

JPMC, PJSC dan Gleneagles JPMC ingin menegaskan bahawa sekatan-sekatan berkenaan disediakan untuk melindungi pesakit, pelawat dan kakitangan mereka.

Mereka memahami peranan penting ahli keluarga dan pelawat dalam proses penyembuhan pesakit dan mereka berhasrat untuk menyeimbangkan keperluan pesakit mereka dengan mengekalkan persekitaran yang selamat untuk semua. Oleh itu, kerjasama orang ramai adalah dipohonkan dan diharapkan dalam sama-sama menangani penularan wabak ini.

## Lima lokasi penglihatan anak bulan Ramadan

Siaran Akhbar : Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 April. - Sebanyak lima buah lokasi dipilih bagi Penglihatan Anak Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah di seluruh negara pada petang Khamis, 29 Syaaban 1441H bersamaan 23 April ini.

Menurut Siaran Akhbar Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Hakim-hakim Syarie dan Pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang ditetapkan untuk merukyah (melihat Anak Bulan Ramadan 1441H) adalah seperti berikut :

1. Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara;
2. Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara;
3. Tanjung Batu, Pekan Muara, Daerah Brunei dan Muara;
4. Bukit Lumut, Daerah Belait; dan
5. Bukit Ambok, Daerah Tutong.

Berikutan dengan itu, pengumuman 1 Ramadan (awal Puasa Ramadan bagi Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi) akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB), iaitu sebaik sahaja selesai merukyah pada petang tersebut dan pemaklumannya akan dibuat melalui siaran RTB.

Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.

# UTB - Huawei Technologies tubuhkan Akademi ICT



UNIVERSITI Teknologi Brunei (UTB) dan Huawei Technologies (B) Sendirian Berhad (ICT) bergabung untuk menubuhkan Akademi ICT di Negara Brunei Darussalam sebagai sebahagian daripada inisiatif global Huawei untuk menyokong pembangunan kemahiran ICT.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 10 April. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Huawei Technologies (B) Sendirian Berhad (ICT) bergabung untuk menubuhkan Akademi ICT di Negara Brunei Darussalam sebagai sebahagian daripada inisiatif global Huawei untuk menyokong pembangunan kemahiran ICT.

UTB akan menjadi universiti pertama di negara ini untuk menjadi sebahagian daripada Akademi ICT yang mempunyai kehadiran global di 72 buah negara.

Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Ketua Pegawai Eksekutif (Huawei), Awang Zhangjianwei menandatangani

perjanjian dengan objektif untuk memupuk bakat ICT dalam kalangan pelajar untuk mempersiapkan mereka menjadi masa depan dengan perkembangan ICT.

Perkongsian ini memberikan penekanan yang kuat terhadap peningkatan bilangan profesional ICT di negara ini melalui program penyelidikan, pendidikan dan latihan bersama. Ini membolehkan kedua-dua pihak membentuk platform untuk kerjasama teknikal.

Di bawah Perjanjian ini, akademi bukan untuk keuntungan yang bertajuk Akademi Rangkaian Maklumat dan Akademik Huawei, membolehkan UTB menyampaikan Sijil Latihan Huawei kepada pelajar utama

mereka.

Perkongsian ini mewujudkan hubungan di antara akademi dan industri dalam memupuk bakat ICT dan melengkapkan pelajar dengan kemahiran ICT yang diperlukan untuk pekerjaan dan memupuk tenaga kerja masa depan untuk mengisi jurang kemahiran ICT Global.

Akademi Huawei akan menyediakan pelajar UTB dengan pengalaman dan pensijilan industri dalam teknologi rangkaian dan keselamatan dengan memasukkan latihan standard industri dalam kurikulum yang sedia ada.

Pelajar juga akan dapat memuat turun salinan peribadi rangkaian simulator rangkaian Huawei eNSP (Enterprise Network Simulation Platform), iaitu alat pembelajaran penting yang akan membantu meningkatkan kemahiran profesional mereka dan juga peluang untuk mengalami peralatan rangkaian Enterprise Huawei.

Pada peringkat awal, UTB melalui Akademi Huawei akan menawarkan latihan untuk Sijil Peralihan dan Penukaran (R & S) yang membawa kepada pensijilan bagi Sijil Pakar ICT Huawei (HCIE-R & S). Akademi ini akan dilengkapi peralatan dan produk rangkaian IP yang disumbangkan oleh Huawei.

Dengan penubuhan akademi ini, UTB melalui Sekolah Pengkomputeran dan Informatif (SKI) akan dapat memperluaskan pelbagai kemahiran dan pengetahuan teknikal yang boleh diberikan kepada para pelajar juga orang ramai.

Ini juga boleh membantu SKI

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei

untuk terus membangunkan aktiviti penyelidikan dan pembangunannya dengan Huawei dan mencapai Misi Universiti untuk keupayaan yang berkaitan dengan industri ke arah memenuhi Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Induk Ekonomi Digital Brunei.

Huawei kini bekerjasama dengan lebih 938 buah Universiti untuk membuka akademi Huawei ICT di seluruh dunia, dengan kira-kira 332 buah di China. Pada

tahun 2019, lebih daripada 28,939 pelajar disahkan mengikutinya. Jumlah pensijilan sejak penubuhan program telah melebihi 55,852 pelajar.

Di bawah program HAINA, Huawei turut mengadakan 'Pertandingan Huawei ICT' tahunan untuk memberi peluang kepada para pemenang tempatan untuk melawat China untuk peringkat akhir dan bersaing dengan pelajar dari seluruh dunia.



**JADILAH PENGGUNA BIJAK**  
Gunakan aplikasi kami

جائزہ فرانکشن ایکنومی دان سٹاتسٹیک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN PERANCANGAN DAN HAL-EBHAL PENGGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Available on the  
App Store  
Get it on  
Google play

## HALUAN

# Pegang teguh pada aspirasi didik generasi muda Brunei

Dari muka 2

Pemimpin sekolah dan guru selalu bertanya bagaimana mereka boleh membuat pelajar belajar dengan lebih baik. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar. Contohnya, PISA 2018 memberikan maklumat penting mengenai apa yang perlu difokuskan oleh sekolah untuk meningkatkan prestasi pelajar mereka. Sehubungan ini, setiap pemimpin sekolah menengah akan menerima maklumat berguna ini pada hari ini termasuklah tahap kemahiran sekolah mereka di PISA, kesejahteraan pelajar, tabiat membaca dan semangat, sokongan dan tingkah laku guru.

Selain dari PISA, penting untuk menggunakan data dan maklumat lain dari pelbagai aspek pendidikan. Kemahiran asas Literasi dan Numerasi, ICT dan aspek pendidikan lain yang membentuk asas untuk kemahiran Abad Ke-21 kekal signifikan. Dengan kata lain, kita mesti berusaha untuk memberikan pelajar kita pendidikan yang seimbang dan holistik bagi membangunkan potensi mereka dengan sepenuhnya.

Akhirnya, kita berhasrat untuk membina satu generasi yang bukan sahaja berpendidikan tinggi, mahir dan berteknologi tetapi juga warga global dengan identiti keBruneian yang unik, berakhlak mulia, sangat berdaya tahan dengan nilai-nilai rohani yang kuat, yang menegakkan falsafah Melayu

Islam Beraja.

Banyak program telah dilaksanakan untuk meningkatkan teras pembelajaran pelajar-pelajar kita serta pembelajaran emosi sosial. Menghasilkan program-program ini memerlukan rangka kerja yang mantap dengan kefahaman yang mendalam dan pandangan mengenai pengajaran dan pembelajaran, dan komitmen sepenuh hati pemimpin sekolah kita. Ini adalah benar apabila kita menyentuh pendidikan berkualiti yang sama dan saksama. Salah satu cabaran yang paling sukar tetapi sering dihadapi pemimpin sekolah adalah menangani pelajar dengan kebolehan pembelajaran yang berbeza.

Oleh itu, penyediaan sokongan pembelajaran adalah penting untuk membolehkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dilaksanakan, dengan itu menyumbang kepada pertumbuhan pelajar dalam prestasi akademik mereka. Pelbagai jenis sokongan pembelajaran telah disediakan untuk pelajar-pelajar kita di sekolah. Walau bagaimanapun, kesan yang lebih signifikan adalah dengan mempunyai rangka kerja yang jelas, pelaksanaan sistematik diikuti oleh pemantauan dan penilaian yang berterusan.

Masa depan generasi muda kita terletak di tangan kita. Oleh itu, kita perlu memastikan sokongan pembelajaran yang diberikan kepada pelajar kita adalah berkesan dan mendatangkan impak yang berjaya. Ini adalah tumpuan

utama konvensyen tahun ini, iaitu mengenai pembelajaran sokongan. Pemimpin sekolah akan diberikan wawasan baharu mengenai hal ini daripada pembentang utama kita, memperkenalkan Rangka Kerja Sokongan pembelajaran Kementerian Pendidikan dan kemudian membangunkan bersama inisiatif sokongan pembelajaran untuk pelajar kita dengan tahap prestasi yang berbeza.

Inisiatif sokongan pembelajaran yang akan dibuat akan memfokuskan kepada tiga perkara: Inggeris, Matematik dan Sains. Saya difahamkan bengkel seterusnya juga akan memasukkan perkongsian amalan terbaik, isu dan cabaran dalam melaksanakan sokongan pembelajaran di sekolah masing-masing. Di hujung konvensyen, awda akan mewujudkan sokongan pembelajaran yang sistematik yang direka untuk membantu para pelajar memperoleh penguasaan, kemahiran dan pengetahuan mereka di setiap peringkat pengajaran.

Kementerian akan terus menyokong awda dalam membina keupayaan dan pengetahuan kepimpinan. Ia bukan satu perjalanan yang awda lalui sendiri. Saya berharap awda akan terus memimpin dan membimbing guru kita dalam menyediakan pelajar dengan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Penglibatan dan sumbangan awda dalam konvensyen ini merupakan manifestasi komitmen awda untuk bekerja sebagai satu pasukan dengan Kementerian Pendidikan.

Pada akhir konvensyen ini, kementerian akan memperakui dan menghargai sekolah-sekolah atas pelbagai pencapaian mereka di peperiksaan PSR, Brunei Cambridge GCE 'O' dan 'A' Level serta prestasi Penilaian Sekolah Keseluruhan (WSE). Ini pasti memberi inspirasi kepada sekolah-sekolah lain untuk mencapai dan lebih berkembang.

Kepada para pemimpin sekolah yang baharu dilantik saya ucapkan tahniah dan sila buatlah yang terbaik, tugas menjaga sekolah kini dipertanggungjawabkan kepada awda. Ingatlah, sekolah yang cemerlang adalah hasil dari guru dan pemimpin yang cemerlang.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Konvensyen Pemimpin Sekolah 2020, penceramah kita dan semua yang telah menyumbang dalam menganjurkan konvensyen ini.

Akhirnya, kepada semua pemimpin dan guru-guru sekolah, terima kasih atas semua iltizam dan komitmen awda. Semoga awda berjaya dan marilah kita terus berusaha bersama untuk masa depan yang lebih baik untuk anak-anak kita.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmannirrahim*, saya rasmikan Konvensyen Pemimpin Sekolah 2020 Ke-2.

Terima kasih.  
*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.*



# eKadaiBrunei dapat sambutan luar jangkaan

Oleh : Aimi Sani

Foto: Aimi Sani,  
Ihsan Maurina Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 10 April. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Darussalam Enterprise (DARE) pada 1 April yang lepas melancarkan [www.ekadaibrunei.bn](http://www.ekadaibrunei.bn), iaitu sebuah portal direktori dalam talian yang menyediakan pautan laman sesawang (*website link*) ke platform-platform e-Dagang atau *e-Commerce platforms*, penyedia-penyedia perkhidmatan penghantaran dan logistik juga Laman Sesawang rasmi Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Projek ini merupakan usaha sama di antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, AITI dan DARE, di mana matlamatnya adalah untuk memudah cara peralihan peniaga ke platform e-Dagang dan perkhidmatan penyedia penghantaran bagi memudahkan pembelian dalam talian kepada orang ramai.

Salah sebuah syarikat penyedia perkhidmatan penghantaran

makanan yang berdaftar di bawah eKadaiBrunei, iaitu GoMamam mengongsikan bahawa, perkhidmatan bagi tempahan penghantaran di negara ini, terutama di sekitar Daerah Brunei dan Muara kian meningkat berikutan dengan penularan pandemik wabak COVID-19 yang menjadi kesan kepada masyarakat.

Perkara ini dijelaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif GoMamam, Awang Abdul Hadi bin Haji Abdul Wahab ketika ditemui untuk menjelaskan mengenai dengan sambutan orang ramai setakat ini.

Menurut beliau, sebelum wabak COVID-19 mula dikesan di negara ini, GoMamam yang mulanya dilancarkan pada 13 Februari 2020 hanya mempunyai empat buah restoran berdaftar untuk penghantaran di bawah mereka, juga menerima sebanyak 50 ke 60 tempahan setiap hari.

"Namun sejak penutupan kedai-kedai makan di negara ini untuk membendung penularan wabak COVID-19 tersebut, GoMamam pada ketika ini menerima lebih daripada 200 pesanan daripada para pelanggan sehari dan setakat ini mempunyai 30 buah restoran berdaftar di bawah syarikat penghantaran

kami. Dalam masa yang terdekat ini, beberapa buah lagi restoran akan turut dilancarkan," ujar beliau.


Menyentuh mengenai dengan caj penghantaran, beliau menerangkan bahawa ia tertakluk kepada jarak antara restoran dan pelanggan, iaitu dalam lingkungan tujuh kilometer, iaitu sebanyak BND3.00, lingkungan tujuh hingga 11 kilometer sebanyak BND4.00 dan 11 kilometer ke atas akan dicalaj sebanyak BND5.00.

Menurut beliau, pada ketika ini GoMamam mempunyai sebanyak 80 penghantar makanan yang semuanya terdiri daripada anak tempatan, di mana 20 peratus adalah terdiri daripada wanita dan selebihnya adalah lelaki.

Dalam jangka masa panjang, Awang Abdul Hadi bersama dua orang lagi rakan niaganya, iaitu Ketua Pegawai Operasi, Awang Buniyamin bin Haji Rambli dan Ketua Pegawai Kewangan, Awang Abdul Hadi bin Haji Adanan berharap agar orang Brunei akan terus menggunakan GoMamam untuk membuat pesanan makanan bagi memudahkan kehidupan mereka, sambil menyokong anak tempatan yang bekerja keras menghantar pesanan mereka, selain berharap akan dapat



**KETUA Pegawai Eksekutif GoMamam, Awang Abdul Hadi bin Haji Abdul Wahab.**



**DAYANG Maurina binti Abdul Hamid, salah seorang pengguna eKadaiBrunei.**

melanjutkan jam operasi yang pada ketika ini cuma beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam di masa akan datang.

Dalam pada itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong turut mengumumkan kepada orang ramai pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 pada Isnin, 6 April lepas bahawa, semua gerai Ramadan di bawah kawalan Jabatan-jabatan Bandaran, Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan Belia dan Sukan yang lazimnya diadakan sepanjang bulan Ramadan adalah ditiadakan pada tahun ini.

Awang Abdul Hadi ketika mengutarakan pendapatnya berkaitan dengan pengumuman peniadaan gerai-gerai Ramadan pada tahun ini menjangka akan terdapat peningkatan jumlah tempahan pesanan berbanding hari sebelumnya. Oleh itu, GoMamam akan sentiasa memastikan penghantar makanan (*dispatchers*) mencukupi selain mengekalkan kualiti perkhidmatan GoMamam dan keselamatan *dispatchers*.

Beliau turut mengongsikan bahawa pada bulan Mei ini, GoMamam akan menerima pembayaran melalui kad untuk terus memudahkan para pelanggan kami, selain turut menerima bayaran secara *online* (QuickPay dan Bank Transfer) dan wang tunai.

GoMamam tambahnya, akan sentiasa menyokong usaha dan inisiatif kerajaan, selain turut menggalakkan pengusaha-

pengusaha yang lainnya untuk terus bekerjasama dengan GoMamam supaya mereka boleh membantu mempromosikan dan memasarkan produk mereka kepada orang ramai melalui platform mereka, selain ingin menunjukkan kepada pengusaha yang lainnya akan manfaat menggunakan e-Dagang dalam membantu mengembangkan perniagaan mereka, seterusnya dapat memenuhi permintaan pelanggan semasa bulan Ramadan ini.

Sementara itu, salah seorang pengguna eKadaiBrunei, Dayang Maurina binti Abdul Hamid berkata, pelaksanaan projek eKadaiBrunei ini adalah bertepatan pada masanya yang sememangnya menggalakkan orang ramai untuk melakukannya secara dalam talian pada ketika ini.

Beliau turut mencadangkan agar terdapatnya kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan seperti pusat membeli belah dalam talian yang membolehkan orang ramai untuk berjual beli selain turut menyediakan ulasan dalam talian.

Beliau berharap orang ramai akan dapat memberikan kerjasama dan sokongan kepada inisiatif projek e-Dagang ini demi menjamin kelangsungan perniagaan para Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di negara ini.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi AITI menerusi talian +673 2323232 atau [ekadaibrunei@aiti.gov.bn](mailto:ekadaibrunei@aiti.gov.bn) dan DARE Helpdesk menerusi talian +673 8363442 atau +673 2384830, atau [info@dare.gov.bn](mailto:info@dare.gov.bn).



**PENGHANTAR** makanan semasa mengambil makanan daripada pekerja restoran yang dipesan oleh pelanggan melalui aplikasi GoMamam.

**Hargai Pengorbanan Mereka**

Mereka bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan awda selamat

HUBUNGI TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148  
WWW.MOH.GOV.BN

# 564 panggilan kebakaran hutan, rumput diterima



PASUKAN Bomba dan Penyelamat semasa membuat pepadaman api pada kejadian kebakaran hutan dan rumput.

### Dari muka 1

Sepanjang tempoh ini, negara pada lazimnya akan mengalami keadaan cuaca yang panas dan kering, di mana aktiviti turunan hujan juga berkurangan disebabkan keadaan atmosfera yang stabil. Walau bagaimanapun, hujan lebat atau hujan berpetir

masih berpotensi berlaku jika terdapat gangguan sementara atmosfera di tahap rendah. Keadaan ini akan menggalakkan pembentukan awan dan seterusnya turunan hujan.

Pada masa ini, negara kita menghadapi wabak COVID-19 dan pada masa yang sama,

## Sahut saranan pihak kerajaan cegah penularan COVID-19

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

**TEMBURONG**, Khamis, 9 April. - Berikutan dengan situasi terkini penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, beberapa buah premis-premis makanan, termasuk restoran, kedai makan, kafe, *food court*, gerai makan dan seumpamanya tidak menyediakan atau menyajikan makanan secara *dine-in* yang bermula pada 19 Mac lalu.

Perkara itu merupakan salah satu langkah bagi mencegah lagi penularan jangkitan wabak COVID-19 dan memastikan penjarakan sosial dipatuhi serta menghindarkan diri daripada berkumpul dalam satu tempat atau *mass gathering*. Selain itu, langkah tersebut adalah untuk menyahut seruan pihak kerajaan dalam sama-sama menangani penularan jangkitan wabak tersebut daripada terus berleluasa di negara ini.

Sehubungan itu, salah sebuah premis makanan di Daerah Temburong, Syarikat Rauyah Mohammad Yassin dan Anak-Anak yang terletak di kedai nombor empat, Pekan Bangar terus menggalakkan para pekerjaannya untuk mengamalkan kebersihan diri, iaitu dengan sentiasa mencuci tangan dengan sabun, menutup mulut ketika batuk atau bersin dan sentiasa membersihkan sekitar kawasan restoran.

Langkah tersebut adalah bagi sama-sama menjaga kesejahteraan dan keselamatan pelanggan yang datang ke restoran berkenaan untuk mengambil makanan mereka yang sudah ditempah untuk dibawa pulang (*takeaway*).

Syarikat beliau terus beroperasi seperti biasa, namun hanya menyediakan makanan untuk dibawa pulang dan melaksanakan penjarakan sosial melalui ruang duduk yang disediakan sementara menunggu pesanan makanan mereka siap.

Tindakan orang ramai, terutamanya dalam melaksanakan langkah penjarakan sosial (*social distancing*) di antara satu sama lain menjadi tanggungjawab masing-masing, di samping sebagai kerjasama yang diberikan kepada pihak kerajaan bagi mengekang lagi penularan jangkitan wabak COVID-19.



PIHAK syarikat masih beroperasi seperti biasa, tetapi hanya menyediakan makanan untuk dibawa pulang sahaja.

STATISTIK PANGGILAN BULAN MAC-APRIL SAHAJA (1 MAC hingga 09 APRIL 2020) KEBAKARAN HUTAN & RUMPUT

BIL	JENIS PANGGILAN	DAERAH				JUMLAH PANGGILAN	JUMLAH KESELURUHAN	HEKTAR
		BRUNEI MUARA	TUTONG	KUALA BELAIT	TEMBURONG			
3D	1	68	31	29	1	127	194	114.92
	2	34	16	15	-	65		17.08
JUMLAH								132

mengalami masalah keadaan cuaca panas dan kering, yang boleh menjadi punca kebakaran hutan dan rumput terhasil daripada bahang panas dari dalam tanah.

Bagi Daerah Belait, kebakaran hutan tanah gambut merupakan salah satu cabaran bagi anggota bomba memadamkan kebakaran berskala besar yang sering berlaku di daerah ini. Ia dipercayai berpunca daripada kejadian alam, yang mana kebakaran bermula dari api bawah tanah dan jua daripada kecuai manusia yang mengambil kesempatan untuk membuat pembakaran terbuka dan ditinggalkan di kawasan-kawasan hutan demi kepentingan masing-masing.

Mengikut statistik panggilan kebakaran hutan dan rumput yang diterima oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dari Januari hingga 9 April 2020 adalah sebanyak 564 panggilan bersamaan dengan keluasan 726

### Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

padang bola.

Sehubungan itu, Cawangan-cawangan dan Balai-balai Bomba seluruh negara akan menjalankan rondaan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti selalu terjadinya kebakaran untuk tindakan segera dan membuat pemantauan bagi memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini.

JBP menekankan kepada orang ramai agar :

- Supaya tidak menjalankan aktiviti pembakaran terbuka, kerana ia boleh menjejaskan lagi keadaan cuaca dan boleh mengakibatkan kebakaran berlanjutan dan menjejaskan kesihatan di sekeliling,

- Jika anda mendapati kebakaran kecil di tepi jalan raya, bolehlah dipadamkan menggunakan air atau pasir bagi mengelakkan terus merebak,

- Disarankan kepada pengguna jalan raya di kawasan-kawasan lebuhraya agar memperlakukan kenderaan masing-masing dan sentiasa menyalakan lampu kenderaan masing-masing semasa melintas di kawasan yang terjejas, tatkala berlakunya asap tebal menyelubungi kawasan lebuhraya dan mengelakkan dari berlakunya kemalangan jalan raya, dan

- Elakkan membuat aktiviti memancing dan memburu di dalam hutan.

Orang ramai boleh memberikan kerjasama dengan melaporkan kepada pihak JBP apabila melihat kepulan asap disebabkan oleh kebakaran hutan dan rumput atau sebarang kecemasan melalui Talian Kecemasan JBP 995 dan Talian Aduan Darussalam 123 bagi aduan pembakaran terbuka.



## PEMBELAJARAN DI RUMAH

UNTUK PELAJAR TAHUN 6 YANG AKAN MENDUDUKI PSR MATA PELAJARAN M.I.B., BAHASA INGGERIS, MATEMATIK, SAINS DAN BAHASA MELAYU.



**SIARAN UTAMA DI RTB ANEKA**  
ISNIN HINGGA KHAMIS DAN SABTU  
DARI JAM 8.30 PAGI HINGGA 11.00 PAGI



**SIARAN ULANGAN DI RTB SUKMAINDERA**  
(BERMULA PADA ISNIN, 6<sup>th</sup> APRIL 2020)  
ISNIN HINGGA KHAMIS DAN SABTU  
PADA JAM 10.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI  
& PADA JAM 1.30 PTG HINGGA 3.00 PTG



**BOLEH DIKUTI MENERUSI VIDEO-ON-DEMAND (VOD) DI [WWW.RTBGO.BN/VOD/](http://WWW.RTBGO.BN/VOD/)**



## Apa Pendapat Biskita?

### Perlu bijak dalam memilih pengambilan pemakanan tambahan

**F**AKTOR kesempitan masa dan tahap pemakanan berkhasiat yang sukar dicapai manusia hari ini menyebabkan pengambilan makanan tambahan sebagai suatu yang perlu dalam kehidupan masing-masing. Oleh itu, wajar untuk kita mengenali kesan-kesan pengambilan makanan tambahan sebelum kita membeli dan menggunakannya untuk mendapat kesan yang kita harapkan.

Antara kesan yang mujarab dalam pengambilan makanan tambahan adalah, ia membantu meningkatkan tahap imunisasi badan seseorang, sekali gus meningkatkan tahap kesihatan diri. Namun, sejauh mana kebaikan pengambilan bahan makanan tambahan kepada diri kita dan masyarakat. Apa Pendapat Biskita kali ini cuba mendapatkan pandangan daripada orang ramai mengenainya.

"Pengambilan makanan tambahan adalah perlu kerana ia membantu dalam meningkatkan tahap imunisasi badan seseorang, sekali gus meningkatkan tahap kesihatan diri, terutama dalam kalangan kanak-kanak yang sukar memakan makanan berkhasiat, seperti sayur-sayuran. Mereka ini harus diberikan suplemen, seperti Vitamin 'A' dan 'C' supaya mereka mendapat nutrien dan zat yang cukup, lebih-lebih lagi dalam umur pertumbuhan yang vital. Bagi golongan dewasa pula, makanan tambahan, seperti pati ikan kod atau susu juga penting dalam membekalkan nutrien khusus untuk *antibody* dalam badan bagi mencegah penyakit-penyakit yang berisiko apabila sudah berusia. Selain itu, pengambilan makanan tambahan memberikan kesan yang efektif kepada masyarakat, terutamanya kepada atlet. Kajian saintifik dan kemajuan teknologi dewasa ini telah membantu penghasilan makanan tambahan yang boleh meningkatkan tahap fizikal seseorang untuk menjadi lebih tegap. Justeru, makanan tambahan amat penting kepada kita asalkan kita tahu apakah jenis tambahan yang diperlukan dan perlu mendapatkan nasihat dan pakar dari bahagian pemakanan yang khusus". - **Md. Maizuddin Alias, BSB.**

"Pengambilan makanan tambahan memang perlu kepada kesihatan kita. Namun begitu, pengambilan makanan tambahan juga seperti kehidupan, ada baik dan buruknya. Kesan buruk dalam pengambilan makanan adalah sangat membahayakan sehingga boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Sesetengah daripada kita mungkin tidak sesuai dalam mengambil makanan tambahan tertentu. Janganlah kita alpa dan memakan hasutan pengusaha-pengusaha produk makanan tambahan yang suka menggunakan taktik testimoni pelanggan yang berjaya dalam menggunakan produk mereka. Dalam pengambilan makanan tambahan, kita sebenarnya memerlukan rujukan daripada orang yang berkeelayakan, seperti doktor dan ahli farmasi dalam menentukan pengambilan makanan tambahan. Tindakan yang tegas dan pantas oleh pihak berkuasa juga diperlukan dalam melindungi masyarakat daripada golongan pengusaha yang hanya mengejar kekayaan dan bukannya memikirkan kesihatan pelanggan mereka. Pada hemat saya, kita perlu melebihi usaha meningkatkan industri pertanian dan makanan yang menggunakan sumber asli dan organik, di mana tiada penggunaan racun atau bahan kimia dalam proses pembuatan makanan, sekali gus mengurangkan risiko kita daripada penyakit yang disebabkan oleh keracunan dan bahan kimia yang terkandung dalam makanan tambahan mahupun makanan harian kita". - **Hajah Norfazillah Haji Momin, Kiulap.**

Pada pandangan saya sebagai penulis ruangan ini, tuntasnya, pelbagai kesan sama ada baik dan buruk yang telah kita singkap dalam isu pengambilan penambahan pemakanan ini, di mana setiap ahli masyarakat perlu bersikap inteligensia dan memadani dalam mendepani arus pemodenan dunia hari ini dan mengamalkan praktik yang terbaik dalam memastikan kesihatan diri masing-masing. Makanan merupakan keperluan asas utama manusia dan industri pemakanan perlu lebih bertanggungjawab dalam memastikan makanan atau produk yang dihasilkan betul-betul memberikan manfaat dan kebaikan kepada setiap golongan manusia. Dengan adanya kerjasama daripada semua pihak, diharapkan semoga rakyat kita bijaksana untuk menjalani kehidupan yang sihat terutama dalam pengambilan pemakanan tambahan kerana ia akan menentukan daya kebolehan masyarakat dalam kesihatan, sekali gus melahirkan generasi yang sihat dan bebas penyakit.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.  
Sila e-melkan pendapat biskita ke : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**i. Bekerja Dari Rumah (Work From Home)**  
**ii. Kelebihan dan Kekurangan Penggunaan Pengangkutan Awam**

# Kaji Selidik ringkas mengenai jangkitan COVID-19

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 April. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) akan mengadakan Kaji Selidik ringkas mengenai jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Kaji Selidik ini bertujuan untuk mendapatkan perspektif dan pengetahuan orang ramai mengenai jangkitan wabak

COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kesihatan akan mengongsikan pautan (*link*) bagi Kaji Selidik tersebut melalui media sosial (*Telegram, Instagram, Facebook* dan *Twitter* dan Laman Sesawang Kementerian Kesihatan) yang akan dimuat naik pada 9 April 2020 dan *push* SMS (mesej ringkas) yang akan dihantar kepada orang ramai secara berperingkat bermula 10

April 2020.

Kaji Selidik ini dibukakan kepada orang ramai bermula 9 April 2020 dan Kementerian Kesihatan memohon kerjasama semua pihak untuk menyertai Kaji Selidik ini agar membolehkan Kementerian Kesihatan untuk menilai dan mempertingkatkan lagi kempen kesedaran tentang penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Kaji Selidik tersebut boleh dilayari melalui kod QR dan pautan (*link*) yang disediakan.

BAHASA MELAYU:



<https://bit.ly/39Rlx5T>

ENGLISH:



<https://bit.ly/2UTXWxd>

## JBP terima sumbangan 10 botol *hand sanitizer*



Siaran Akhbar dan Foto :  
Cawangan Operasi 'F', Jabatan Bomba dan Penyelamat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 April. - Dalam usaha bagi membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 pada masa ini, pelbagai cara dan usaha diambil bagi menjaga kebersihan diri seperti mengamalkan penjarakan sosial, kerap mencuci

tangan dan sebagainya.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima sumbangan *hand sanitizer* sebanyak 10 botol daripada Syarikat Bobby Electrical Co. Sdn. Bhd. dan One Station Supermarket bagi pegawai dan anggota JBP

PEMANGKU Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan (kiri) menerima sumbangan *hand sanitizer* sebanyak 10 botol daripada Syarikat Bobby Electrical Co. Sdn. Bhd. dan One Station Supermarket bagi pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dalam menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

dalam menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Sumbangan tersebut diterima oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan. Turut hadir menyaksikan penyerahan sumbangan tersebut Penolong-penolong Pengarah, Pegawai Kanan serta Pegawai Bomba dan Penyelamat.

JBP merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan berbilang-banyak terima kasih kepada kedua-dua buah syarikat tersebut di atas sumbangan ikhlas bagi sama-sama membantu dalam penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Bomba dan Penyelamat juga menasihatkan jika berlaku insiden kecemasan, orang awam hendaklah menghubungi terus ke Talian Kecemasan JBP iaitu 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

# IHP Februari 2020 meningkat 1.4 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik :  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Dari muka1 adalah disebabkan oleh Kenaikan bagi harga Pelbagai Perkhidmatan Barangan dan Perkhidmatan Manakala, peningkatan harga

## INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) FEBRUARI 2020

Tiga Penyumbang Utama Kepada Perubahan Tahunan



Restoran dan Hotel adalah disebabkan oleh peningkatan harga perkhidmatan catering luar.

Dalam pada itu, peningkatan bagi harga Makanan dan Minuman Ringan pula adalah disebabkan oleh peningkatan harga sayur-sayuran.

Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi bulan Februari 2020 meningkat sebanyak 0.5 peratus berbanding dengan bulan Januari 2020.

Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan, masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus dan 0.4 peratus.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.


Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2020 boleh didapati melalui Laman Sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) : [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn).

## INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) FEBRUARI 2020



IHP mengukur perubahan harga pada sebarang tetap barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh sebahagian besar isi rumah di Negara Brunei Darussalam.



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

# Perkhidmatan penghantaran tempahan meningkat berikutan COVID-19



BANYAK pihak yang menawarkan perkhidmatan penghantaran, sama ada melalui syarikat ataupun persendirian.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 April. - Perkhidmatan bagi tempahan penghantaran di negara ini terutama di sekitar Daerah Brunei dan Muara kian meningkat berikutan dengan penularan pandemik wabak COVID-19 yang menjadi kesan kepada masyarakat.

Walaupun Negara Brunei Darussalam belum memasuki tahap kecemasan, tetapi langkah-langkah keselamatan

amat ditekankan seperti duduk di rumah bagi mengelakkan mengunjungi tempat ramai dan penjarakan sosial.

Perkara ini diakui oleh banyak pihak yang menawarkan perkhidmatan penghantaran, sama ada melalui syarikat ataupun persendirian.

Ketua Pegawai Eksekutif, DXM Sendirian Berhad, Darryn Liew selaku Syarikat Perkhidmatan Penghantaran aplikasi Heydomo

ketika ditemui berkata, sejak berlakunya wabak COVID-19, syarikatnya menerima peningkatan bagi tempahan penghantaran makanan.

"Selepas kes pertama yang berlaku sehingga kes seterusnya, syarikat kami menerima sekitar 100 lebih tempahan penghantaran makanan sehari. Biasanya, kami hanya menerima dalam 70 hingga ke 80 tempahan sehari dari jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam," katanya.

Menurutnya, memang ada peningkatan ketara terutama pada waktu makan tengah hari dan makan malam, yang mana selalunya hanya satu tempahan diterima dalam satu masa, tetapi sekarang dua atau tiga tempahan diterima dalam satu masa yang sama.

Perkhidmatan Syarikat berkenaan disertai oleh lebih 100 vendor sebelumnya dan mula beroperasi sejak enam bulan yang lalu, tetapi sekarang mempunyai lebih 300 vendor, termasuk vendor yang menjual barangan pakaian, perhiasan, permainan dan sebagainya.

Heydomo sebelum ini mempunyai seramai 35 penghantar perkhidmatan dan sekarang meningkat kepada 70 orang disebabkan oleh *demand* yang tinggi daripada para pelanggan.

"Keselamatan dari segi kebersihan juga ditekankan kepada setiap penghantar barangan, apatah lagi pada masa ini yang mana kami menyediakan *glove* tangan, *mask*

dan *hand sanitizer* untuk mereka guna pakai di sepanjang melakukan perkhidmatan penghantaran," tambahnya.

Sementara itu Pengasas The Bean Bag Company, Awang Mohd. Hafizal bin Haji Hassan yang ditemui juga mengakui menerima peningkatan ketara untuk tempahan penghantaran produk jualanannya iaitu Beanbag sejak penularan COVID-19 di negara ini.

Tambahnya, dia hanya menghantar tiga ke empat tempahan pada setiap sehari, tetapi selepas terjadinya penularan COVID-19 ini, dia menerima tujuh ke lapan tempahan penghantaran

untuk waktu kerja yang sama.

"Penghantaran adalah termasuk di keempat-empat daerah, yang mana ini membuktikan orang ramai bijak untuk memilih duduk di rumah demi kebaikan ramai pihak," jelasnya.

Tetapi seiring dengan kemajuan, masyarakat kini lebih memilih perkhidmatan penghantaran atas talian yang lebih mudah dan cepat.

Malah, ia tentunya dapat menjimatkan wang dan tenaga kita untuk pergi ke kedai kerana dengan perkhidmatan ini, makanan dan barangan boleh dihantar sampai ke depan pintu rumah.



HAFIZAL Haji Hassan, Pengasas The Bean Bag Company.



KETUA Pegawai Eksekutif, DXM Sendirian Berhad, Darryn Liew.

# Raih keberkatan bulan Syaaban

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Pg. Haji Reduan Pg. Haji Badaruddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 April. - Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan bulan itu dengan kebajikannya juga kelebihan tersendiri, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai kelebihan bulan Muharam, Rejab, Syaaban, Ramadan, Syawal dan Zulhijjah sebagai bulan-bulan yang istimewa.

Sekarang kita berada di bulan Syaaban, bulan yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri dalam Islam.

Keadaan ini samalah juga dengan bulan-bulan lain yang mempunyai fadilat tersendiri hingga menyebabkan kehadirannya sentiasa ditunggu-tunggu oleh ahli ibadat sebagai masa untuk mengaut pahala.

Penolong Pegawai Ugama di Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin semasa ditemu bual seterusnya menjelaskan, Syaaban adalah antara bulan yang paling dicintai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di mana Baginda lebih banyak berpuasa di bulan ini

dan pernah diriwayatkan bahawa Baginda tidak pernah berpuasa sunat dalam sebulan, lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban.

Maka antara amalan yang digalakkan pada bulan Syaaban adalah seperti memperbanyakkan puasa sunat, bertaubat dan beristighfar, zikir dan berdoa juga meningkatkan rasa kecintaan kepada Allah.

Selain daripada itu, katanya, banyak lagi amal kebajikan yang boleh dilaksanakan di bulan Syaaban ini sebagai persiapan kedatangan Ramadan, seperti memperbanyakkan selawat; sembahyang sunat, terutama di waktu malam; banyak bersedekah; dan sebagainya.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya, "Bulan itu (Syaaban) yang berada di antara Rejab dan Ramadan adalah bulan yang dilupakan manusia dan ia adalah bulan yang diangkat padanya amal ibadat kepada Tuhan Seru Sekian Alam, maka Aku suka supaya amal ibadatKu diangkat ketika Aku berpuasa". (Hadis riwayat an-Nasa'i).

Malam Nisfu Syaaban adalah

antara malam-malam yang dikabulkan doa dan adapun cara menghidupkan malam Nisfu Syaaban sebagaimana yang dilakukan sekarang ini tidak berlaku pada zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam juga para sahabat, tetapi ia berlaku pada Zaman Tabi'in daripada Penduduk Syam.

Al-Qasthalani menyebut dalam kitabnya al-Mawahib al-Ladunniyah bahawa para Tabi'in daripada Penduduk Syam, seperti Khalid bin Ma'dan dan Makhul, mereka beribadat dengan bersungguh-sungguh pada malam Nisfu Syaaban.

Maka dengan perbuatan mereka itu, orang ramai pun mengikutlah pada membesarkan malam tersebut.

Kelebihan malam Nisfu Syaaban itu disebutkan di dalam hadis sahih daripada Mu'adz bin Jabal Radiallahuanhu, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya, "Allah menjenguk datang kepada semua makhluk-Nya di malam Nisfu Syaaban, maka diampunkan dosa sekalian makhluk-Nya kecuali orang yang menyekutukan Allah atau orang yang bermusuhan". (Hadis riwayat Ibnu Majah, ath-Thabarani dan Ibnu Hibban).

Para Tabi'in tersebut menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan dua acara, iaitu

sebahagian mereka hadir beramai-ramai ke masjid dan berjaga pada waktu malam (qiamullail) untuk bersembahyang sunat dengan memakai harum-haruman, bercelak mata dan berpakaian yang terbaik dan sebahagiannya lagi melakukannya dengan cara bersendirian. Mereka menghidupkan malam tersebut dengan beribadat, seperti sembahyang sunat dan berdoa secara bersendirian.

Seperti lazimnya, kita di negara ini akan menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan membaca Al-Quran, membaca Surah Yaa Siin, berzikir dan berdoa dengan berhimpun di masjid-masjid atau di rumah masing-masing secara berjemaah atau bersendirian, iaitu tidak jauh berbeza dengan apa yang dilakukan oleh para Tabi'in itu.

Namun dalam situasi penularan COVID-19 yang melanda di negara ini, di mana semua masjid, balai ibadat dan surau ditutup sementara, maka amalan kebiasaan kita menghidupkan malam Nisfu Syaaban tersebut tidak dapat dilaksanakan seperti lazimnya disebabkan adanya keuzuran dan untuk menjauhkan daripada kemudharatan COVID-19.

Walaupun begitu, kita masih ada cara untuk menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan mengadakan di rumah



**PENOLONG Pegawai Ugama di Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.**

masing-masing bersama keluarga, semestinya dengan memastikan penjarakan sosial dipatuhi, kebersihan didahului dan tidak secara beramai-ramai.

Malam Nisfu Syaaban berkenaan pastinya disemarakkan dengan bacaan Surah Yaa Siin, zikir dan doa-doa agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada segala musibah, terutama wabak COVID-19 dan semoga negara kita, Negara Brunei Darussalam akan terus makmur, sentosa dan sentiasa dalam lindungan Allah jua.

## 50 peratus diskaun beras pulut bantu PMKS

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 9 April. - Sebagai inisiatif tambahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membantu kelangsungan perniagaan para Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) juga pengusaha-pengusaha persendirian, pemberian 50 peratus diskaun harga beras pulut disambut baik oleh para

peniaga.

Dengan pemberian diskaun harga beras pulut menjadi BND3.80 bagi satu beg seberat 10 kilogram berbanding BND7.60, sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan perbelanjaan dalam penyediaan dan penjualan kuih-muih yang menggunakan beras pulut.

Inisiatif ini akan diberikan selama sebulan bermula 8 April 2020 dan ia juga mengambil kira dengan peniadaan semua

majlis perkahwinan dan gerai-gerai jualan pada bulan Ramadan di bawah kawalan Jabatan-jabatan Bandaran, Jabatan-jabatan Daerah juga Jabatan Belia dan Sukan, yang lazimnya diadakan di sepanjang bulan Ramadan.

Menurut Pengiran Hajah Salmah binti Pengiran Haji Tuah yang mengendalikan Syarikat Wan K Sdn. Bhd. ketika ditemu bual melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mengambil berat akan peniaga-peniaga kecil.

"Sekurang - kurangnya penurunan 50 peratus harga beras pulut ini dapat menampung harga bahan-bahan lain yang sudah naik harga," ujarnya.

Beliau juga menyarankan kepada para peniaga dan orang ramai supaya dengan adanya inisiatif diskaun 50 peratus beras pulut akan digunakan untuk keperluan yang sebenar bukan sebaliknya.

Dalam pada itu jelasnya, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan

seperti yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan dan mengamalkan penjarakan sosial bagi mengelakkan jangkitan wabak COVID-19.

Untuk maklumat lanjut mengenai penjualan beras pulut tersebut, bolehlah menghubungi Jabatan Perbendaharaan menerusi talian +673 2383666 sambungan 7788 atau melalui e-mel [ap.stor@treasury.gov.bn](mailto:ap.stor@treasury.gov.bn) bagi membuat tempahan dan perjanjian kehadiran ke Kompleks Stor dan Perbekalan Negara.



**MINDA PEMBACA**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'. Tarikh Tutup : 15 April 2020
2. 'Sedekah Pembuka Pintu Rezeki'. Tarikh Tutup : 22 April 2020
3. 'Rebutlah Ganjaran Menyemarakkan Ramadan'. Tarikh Tutup : 29 April 2020

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



BERAS pulut yang banyak digunakan untuk membuat kuih dan sebagainya diberikan diskaun oleh pihak kerajaan daripada harga BND7.60 bagi satu beg seberat 10 kilogram menjadi BND3.80.



**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**

**BILANGAN IKLAN 26/04/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 11 APRIL 2020**

**TARIKH TUTUP : 09 MEI 2020**

<p><b>1. KETUA PEMBANTU TEKNIK C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III)</b> JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA KEMENTERIAN PERTAHANAN <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b> <b>2020/0013/07</b></p>	<p><b>2. PEGAWAI PENERBITAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III)</b> DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b> <b>2020/0013/06</b></p>
<p><b>3. PENGHANTAR SAMAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V)</b> JABATAN-JABATAN KERAJAAN <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b> <b>2020/0013/08</b></p>	

**PERATURAN 38(A)**

**BILANGAN IKLAN 24/2020 (SPA/BIKL)**

Khusus bagi pemohon daripada pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam.

**TARIKH IKLAN : 11 APRIL 2020**

**TARIKH TUTUP : 09 MEI 2020**

<p><b>1. TIMBALAN Pengerusi Lembaga Bandaran Kumpulan 2 (BAHAGIAN I)</b> JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b> <b>2020/0014/01</b></p>
--

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Quicklinks* dan *FAQ's* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : IV & V SAHAJA KATEGORI : [KA01]

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :  
28 APRIL 2020 (SELASA)  
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :  
JKR / DOR / SRC 13 / 2020

NAMA PROJEK :  
KERJA-KERJA MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ASAS BAGI TAPAK AKUAKULTUR SUNGAI MANGSALUT, KG. TANAH JAMBU, DAERAH BRUNEI MUARA.  
- (PEMBINAAN JALAN AKSES, PEMBEKALAN AIR DAN ELEKTRIK).

YURAN TAWARAN :  
BND500.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :  
TIDAK ADA



JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

TENDER NO. :  
RTB / K / 26 / 20-21

MENERBITKAN PROGRAM TV, BAHAGIAN RANCANGAN TV, RTB

BAYARAN SEBUT HARGA :  
BND5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :  
RABU, 29 APRIL 2020



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP PADA :  
5 MEI 2020, SELASA  
SEBELUM JAM 2.00 PETANG.

JASTRE / KB / T011 / 2020  
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN LANDSKAP DI KAWASAN-KAWASAN UTAMA TERMASUK PUSING KELILING-PUSING

KELILING UTAMA DI KUALA BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

NO. PROJEK :  
JASTRE / KB / T011 / 2020

KELAS II, III, IV ATAU V

KATEGORI KPB12

JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND30.00 (tidak dikembalikan)





JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI



TAWARAN BAGI MEMBEKAL  
PERKHIDMATAN  
"AIRPORT OWNERS AND  
OPERATORS LIABILITY  
INSURANCE"

Bilangan tawaran :  
JPA / ADM / 2020 / 03 (R)

Tarikh tutup tawaran :  
Selasa, 12 Mei 2020



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



BIL. TAWARN :  
KHEU / BDP / 164 / 346 / 2019

TAJUK :  
REPAIR WORKS TO GOVERNMENT  
HOUSE JHEU 1/2/PWD 744/JKR 782A  
KG. KILANAS,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KATEGORI : B 01 & KB 11 SAHAJA

YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

TARIKH TUTUP :  
RABU, 15 APRIL 2020, 2.00 PETANG



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 334 / 2019

TAJUK :  
REPAIR WORKS TO TANAH  
PERKUBURAN ISLAM SETANGING,  
JALAN DADAP, KG. KILANAS,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : B 01 SAHAJA

YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 335 / 2019

TAJUK :  
TO SUPPLY AND INSTALL NEW  
SIGNAGE TO TANAH PERKUBURAN  
ISLAM TUTONG DISTRICT  
SELECTED AREA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : KPB 06 SAHAJA

YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 336 / 2019

TAJUK :  
PROPOSED - TO SUPPLY SIGNBOARD  
'DILARANG MEMBUANG SAMPAH  
DI KAWASAN INI' FOR CEMETARY  
UNIT RELIGIOUS DEPARTMENT,  
TUTONG DISTRICT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : KPB 06 SAHAJA

YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 337 / 2019

TAJUK :  
HARDSTANDING, REPAIR OF  
RUMAH PERHENTIAN AND SIGNAGE  
WORKS FOR TANAH PERKUBURAN  
ISLAM MARIUNG, LABU ESTATE,  
JALAN LABU TEMBURONG,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : B 01 SAHAJA

YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 338 / 2019



TAJUK :  
CONSTRUCTION OF RUMAH  
PERHENTIAN AND SIGNAGE  
WORKS FOR TANAH PERKUBURAN  
ISLAM NEGALANG,  
KG. NEGALANG, TEMBURONG,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : B 01 SAHAJA

YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 339 / 2019

TAJUK :  
REPAIR REPAINTING AND  
INSTALLATION OF FENCING,  
SIGNAGE TO RUMAH PERHENTIAN  
AT TANAH PERKUBURAN  
ISLAM SEMAMANG,  
MUKIM BANGAR TEMBURONG,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : B 01 SAHAJA

YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 340 / 2019

TAJUK :  
TO RECTIFY DAMAGED FENCING  
AND SIGNAGE TO TANAH  
PERKUBURAN ISLAM BUKIT RAJA  
KAMPUNG PIASAU-PIASAU,  
JALAN LABU TEMBURONG,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : B 01 SAHAJA

YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

TARIKH TUTUP :  
RABU, 29 APRIL 2020  
12.00 TENGAH HARI



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BIL. TAWARAN :  
JAPEM / Q / 2020 / PBBM / 01

PERKARA :  
PEMBEKALAN BAGI  
MENYEDIAKAN KUIH-MUIH /  
MAKANAN PUSAT  
BAHAGIA BRUNEI MUARA  
KAMPUNG PULAIE, JABATAN  
PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
BAGI TEMPOH 2 TAHUN

TARIKH TUTUP :  
RABU, 29 APRIL 2020,  
JAM 2.00 PETANG



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BIL. TAWARAN :  
JAPEM / Q / 2020 / PBBM / 02

PERKARA :  
PEMBEKALAN BAGI  
PERANCANGAN PEMAKANAN  
(BARANG MENTAH) PUSAT  
BAHAGIA BRUNEI MUARA  
KAMPUNG PULAIE, JABATAN  
PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
BAGI TEMPOH 2 TAHUN

TARIKH TUTUP :  
SELASA, 28 APRIL 2020,  
JAM 2.00 PETANG



JABATAN PENTADBIRAN  
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR

BILANGAN TAWARAN :  
MOE / LTK / 102 / 2019 / 2020  
[JPK-MAC-2020]

BAYARAN DOKUMEN :  
BND30.00  
[Bayaran Dokumen Tawaran  
tidak dikembalikan]  
dan  
BND 5.00 E-Dokumen  
[tidak dikembalikan]

KETERANGAN :  
TAWARAN TERBUKA "JOINT  
PUBLISHING PROJECT FOR HISTORY  
OF BRUNEI DARUSSALAM, 1880 - 1984  
TEXTBOOK FOR YEAR 9"  
JABATAN PERKEMBANGAN  
KURIKULUM,



KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :  
SELASA, 5 MEI 2020  
[TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG]



MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
DI BANDAR SERI BEGAWAN

KES NO. BCY / CP / 247 / 2018

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**AZLAN BIN IDRIS**  
(BYIC No. 00-274881)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Julai 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar** pada **14 Mei 2020**, jam **9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **14 Mei 2020**, jam **9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 14 Mac 2020

**NUR ELEANA  
BINTI DP HAJI HAIROL ARNI**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 326 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**PG. MOHAMAD SAHEFFULDIN  
BIN PG. HJ. SERUJI**  
(BYIC No. 00-266766)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Februari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-6) Mahkamah Besar** pada **29 April 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **29 April 2020**, jam **9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 21 Mac 2020

**NUUROR-RAHEEBAH  
BINTI HAJI ABD. WAHAB**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 321 / 2019

**PERBADANAN TABUNG AMANAH  
ISLAM BRUNEI**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**SHARIMAN BIN ABU BAKAR**  
(BYIC No. 00-276778)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 November 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **27 April 2020**, jam **3.15 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **27 April 2020**, jam **3.15 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 318 / 2018

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**SAFTU BIN DURAMIN**  
(BYIC No. 00-111937)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Mei 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **29 April 2020**, jam **11.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **29 April 2020**, jam **11.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 19 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 286 / 2018

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**MUHAMMAD IRWAN  
BIN HAJI ABDULLAH SANI**  
(BYIC No. 00-258818)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **28 April 2020**, jam **2.15 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan

bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **28 April 2020**, jam **2.15 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 19 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 273 / 2019

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD ALI NORDIN  
BIN MOHAMMAD ALI YUSRI**  
(BYIC No. 00-313801)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 19 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **27 April 2020**, jam **9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **27 April 2020**, jam **9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 249 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD REZUAN BIN SOFIAN**  
(BYIC No. 01-059214)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **27 April 2020**, jam **2.15 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **27 April 2020**, jam **2.15 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 17 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 241 / 2019

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**LIHAN BIN HAJI ALI**  
(BYIC No. 00-070262)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam

perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **28 April 2020**, jam **9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **28 April 2020**, jam **9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 17 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 80 / 2018

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**NORJAKUSTINA BINTI HAJI JAUNIDI**  
(BYIC No. 00-287148)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **27 April 2020**, jam **2.45 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **27 April 2020**, jam **2.45 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 17 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 73 / 2019

**PERBADANAN TABUNG AMANAH  
ISLAM BRUNEI**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**HAIRUL MIZAN BIN HAJI MD HUSSAIN**  
(BYIC No. 00-272317)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **27 April 2020**, jam **10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **27 April 2020**, jam **10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2020

**HARNITA ZELDA SKINNER**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar



# Langkah-Langkah Semasa Penutupan Sementara Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Brunei Darussalam Bagi Membendung Penularan Wabak COVID-19



Sepanjang penutupan sementara ini, **Pegawai Masjid dan Kakitangan Masjid** akan;



- 01** Bertugas seperti biasa dan melaungkan Azan bagi menandakan waktu-waktu sembahyang
- 02** Membaca ayat-ayat al-Quran, zikir dan doanya sebelum dan sesudah sembahyang dan akan dikumandangkan melalui pembesar suara, mengikut kesesuaiannya bagi menghidupkan suasana masjid sebagai Syiar Islam dan umat Islam khususnya di kawasan-kawasan tadahannya
- 03** Membuat pembersihan berterusan di tempat-tempat yang sering dipegang seperti tombol-tombol pintu, rak-rak kitab al-Quran, buku Yaasin dan lain-lain
- 04** Sentiasa membersihkan tandas dan tempat-tempat berwudhu
- 05** Sentiasa memvakum dan membersihkan karpet/ tikar-tikar sembahyang
- 06** Memastikan pencuci tangan dan 'hand sanitizer' disediakan di dewan sembahyang/ tandas/ tempat berwudhu
- 07** Dalam tempoh penutupan ini, kerja-kerja pembersihan dan pembasmian kuman (Disinfection) di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara akan terus diusahakan melalui syarikat-syarikat yang berkenaan

## Manakala bagi jemaah dan orang ramai, diminta untuk;





- ✓ Bersabar dan mematuhi arahan penutupan sementara
- ✓ Mematuhi semua arahan pihak-pihak berkuasa sambil tetap berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi memohon perlindunganNya
- ✓ Bersama-sama mengambil kesempatan untuk mula melakukan atau meneruskan bahkan meningkatkan lagi amal ibadat khususnya sembahyang berjemaah bersama ahli keluarga serumah disertai juga dengan beristighfar memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas kesenghajaan atau keterlanjuran perbuatan yang menyalahi perintah dan laranganNya serta memohon maaf atas dosa yang dilakukan kepada sesama hamba Allah

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَائِرِ الْأَسْقَامِ

"Ya Allah, ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepadaMu daripada penyakit sopak, gila dan kusta serta daripada penyakit-penyakit yang buruk."

# Jumlah perdagangan NBD meningkat 25.7 peratus



**Siaran Akhbar dan Infografik :  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 April. - Negara Brunei Darussalam mencatatkan nilai jumlah perdagangan sebanyak BND1,805.6 juta, meningkat 25.7 peratus daripada BND1,436.7 juta pada bulan yang sama tahun 2019. Ini mengambilkira produk eksport petroleum dan gas hasil daripada aktiviti hiliran. Manakala, bagi

perubahan bulan-ke-bulan, jumlah perdagangan bagi bulan Januari 2020 menurun sebanyak 29.8 peratus berbanding dengan bulan Disember 2019. Jumlah eksport meningkat sebanyak 25.6 peratus tahun-ke-tahun kepada BND1,196.8 juta berbanding BND952.6 juta pada Januari 2019. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan eksport Bahan Api

Galian sebanyak 23.2 peratus tahun-ke-tahun disumbangkan oleh eksport produk petroleum dan gas di mana komoditi terbesar adalah Minyak Diesel Automatif hasil daripada aktiviti hiliran. Pasaran eksport terbesar pada bulan Januari 2020 adalah Jepun (27.2 peratus), diikuti oleh Singapura (17.5 peratus) dan Republik Rakyat China (12.8 peratus). Dari segi komoditi eksport, Bahan Api Galian merupakan penyumbang utama sebanyak 87.5 peratus, diikuti dengan Kimia (11.6 peratus) dan Barang-Barang Keluaran Kilang (0.5 peratus).

Jumlah import juga meningkat sebanyak 25.8 peratus tahun-ke-tahun kepada BND608.8 juta. Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah Bahan Api Galian (36.7 peratus) diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (22.0 peratus), Barang-Barang Keluaran Kilang (18.7 peratus) dan Kimia (7.5 peratus). Mengikut Kategori Penggunaan Akhir, import Barang Perantara merangkumi 65.2 peratus dari jumlah import, diikuti oleh import Barang Modal (27.9 peratus) dan Barang Penggunaan (6.9 peratus). Dari segi import mengikut rakan

dagangan, sumbangan terbesar adalah dari Republik Rakyat China (20.4 peratus) diikuti oleh Singapura (14.7 peratus) dan Malaysia (12.3 peratus). Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics, IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan General System bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula. Laporan penuh IMTS bagi bulan Januari 2020 boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES di [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn).



## BIBD Cawangan Temburong laksana langkah penjarakan sosial

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

**TEMBURONG,** Khamis, 9 April. - Bagi mencegah lagi penularan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan sejajar dengan cadangan Kementerian Kesihatan,

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) cawangan Daerah Temburong melaksanakan langkah berjaga-jaga untuk melindungi pelanggan dan kakitangan bank



berkenaan. Antaranya ialah sebelum masuk ke dalam kawasan lobi bangunan BIBD, kakitangan bertugas akan memeriksa suhu badan setiap pelanggan, malah *hand sanitizer* turut disediakan bagi kegunaan pelanggan-pelanggan bank. Apabila berada di dalam kawasan lobi perbankan, Pelanggan dinasihatkan untuk mengekalkan jarak jauh dengan tidak duduk di atas kerusi yang ditandakan dengan pita. BIBD juga turut menandakan kawasan penjarakan menggunakan pita di lantai. Selain itu, BIBD cawangan Temburong juga mengehadkan bilangan pelanggan di kawasan lobi perbankan untuk mengekalkan jarak fizikal. Pelanggan juga tidak dibenarkan menunggu di kawasan lobi sebaik sahaja jumlah kapasiti mencapai



**KAKITANGAN BIBD** Cawangan Temburong menggunakan *mask* dan sarung tangan ketika melayan pelanggan (atas). Sementara gambar bawah kiri, para pelanggan dinasihatkan untuk mengekalkan jarak jauh dengan tidak duduk di atas kerusi yang ditandakan dengan pita.


had maksimum. Kakitangan BIBD cawangan Temburong menggunakan *mask* dan sarung tangan ketika melayan pelanggan. BIBD memahami bahawa langkah-langkah pencegahan ini mungkin menyebabkan beberapa kesusahan untuk para pelanggan dan ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan yang berada di Daerah Temburong

di atas pemahaman dan kesabaran mereka. Ini adalah masa yang tepat untuk pelanggan mengamalkan Go Cashless (dengan menggunakan kad debit atau kad kredit) dan Go Digital kerana hampir semua transaksi kewangan boleh dilakukan melalui BIBD NEXGEN Wallet dan BIBD NEXGEN Online.

# E-Info Sejarah, memudahkan orang ramai dekati sejarah Brunei

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Pusat Sejarah Brunei




NOTIS makluman penutupan kaunter Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei sebagai satu usaha membendung penularan wabak COVID-19 yang melanda negara kita.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Berikutan situasi terkini penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, hampir kesemua perkhidmatan-perkhidmatan kaunter di sektor awam ditutup sementara waktu demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan orang ramai, khususnya para pelanggan, pegawai dan kakitangan yang bertugas, selaras dengan nasihat daripada Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, beberapa cara alternatif diungkayahkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk memberikan perkhidmatan secara berterusan kepada orang ramai tanpa mengabaikan *core business* masing-masing.

Baru-baru ini, Pusat Sejarah Brunei (PSB) mengongsikan pautan kod QR untuk 'E-Info Sejarah' yang membolehkan orang



E-INFO Sejarah memuatkan dokumen-dokumen sejarah negara kita yang boleh dimuat turun untuk rujukan orang ramai.

ramai untuk membaca sejarah negara kita di hujung jari, terutamanya tentang Sultan-Sultan Brunei; ristaan sejarah; tempat-tempat bersejarah, termasuk bahan dan sumber sejarah dari Pusat Pengkajian Borneo serta Info Penyelidikan dan Dokumentasi.

Pautan yang diimbas melalui kod QR tersebut akan membawa kita kepada Sumber Perpustakaan PSB di Laman Sesawang PSB, iaitu [www.pusat-sejarah.gov.bn](http://www.pusat-sejarah.gov.bn).

Dokumen-dokumen yang terdapat di 'E-Info Sejarah' tersebut juga boleh dimuat turun dan setentunya ini memudahkan orang ramai untuk menjadikannya sebagai bahan bacaan dan kegunaan rujukan secara *offline*.

Perpustakaan PSB ditubuhkan pada tahun 1982 bersama-sama tertubuhnya PSB dan dikendalikan secara bersistematik. Ia merupakan

Perpustakaan Khusus (*in-house Library*) yang bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada pegawai dan kakitangan serta Ahli Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei (PPSB) membuat rujukan.

Sehubungan itu, awda digalakkan untuk menggunakan platform dalam talian ini untuk mempelajari sedikit sebanyak tentang sejarah negara kita tanpa meninggalkan rumah masing-masing.

Untuk maklumat lanjut bolehlah menghubungi Kaunter Rujukan Perpustakaan melalui talian +673 2240166 sambungan 240; Kaunter Rujukan Pusat Pengkajian Borneo +673 2339303 dan +673 2339304; Instagram @pusatsejarahbrunei serta melayari PPSB di laman sesawang <https://www.librarybrunei.gov.bn/library/pusat-sejarah>.

**قوسة سجارة بروني**  
PUSAT SEJARAH BRUNEI  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**ای - اینفو سجارة**  
E-Info Sejarah

Biskita ingin mengetahui tentang sejarah Sultan-Sultan Brunei, ristaan sejarah, tempat bersejarah atau lain-lain?

Jangan risau biskita boleh membaca sejarah kitani dihujung jari.

Hubungi kami:

- Kaunter Rujukan Perpustakaan ☎ 2240166 ext.240
- Kaunter Rujukan Pusat Pengkajian Borneo ☎ 2339303/4
- pusatsejarahbrunei
- [www.pusat-sejarah.gov.bn](http://www.pusat-sejarah.gov.bn)
- [www.librarybrunei.gov.bn/library/pusat-sejarah/](https://www.librarybrunei.gov.bn/library/pusat-sejarah/)

## 17 anggota PPDB dinaikkan pangkat Inspektor

Siaran Akhbar :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 16 lelaki dan seorang wanita Anggota Pangkat Rendah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) diperkenankan untuk dinaikkan pangkat Inspektor bermula 1 Mac 2020.

Sehubungan itu, Majlis Kenaikan Pangkat berlangsung di Dewan Bankuet Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan Majlis Kenaikan Pangkat, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid dan Isteri, Datin Hajah Siti Shamsiah binti Haji Abd. Samad, Pengarah-pengarah, Timbalan Pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan PPDB juga ahli keluarga anggota Polis yang diraikan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.

# Sahut seruan kerajaan bendung penularan wabak COVID-19

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman /  
Ihsan Nurul Ain, Siti Nur Rohmawati

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 8 April. - Ramadan tahun ini tentunya akan berbeza daripada sebelumnya susulan pengumuman yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berkenaan semua gerai Ramadan di bawah kawalan Jabatan-jabatan Bendaran, Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan Belia dan Sukan yang lazimnya diadakan di sepanjang bulan Ramadan adalah ditiadakan pada tahun ini.

Langkah tersebut merupakan usaha berterusan pihak kerajaan ke arah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan demi kesejahteraan dan keselamatan orang awam, dengan mengelakkan daripada menghadiri ke tempat perkumpulan secara beramai-ramai dan mengamalkan penjarakan sosial di tempat awam selaras dengan nasihat daripada Kementerian Kesihatan.

Dengan keputusan yang diambil itu tentunya memberi kesan terhadap orang ramai, namun rata-rata masyarakat berasakan

keputusan meniadakan Gerai Ramadan tahun ini adalah yang terbaik, bagi mengekang penularan jangkitan wabak COVID-19.

"Keputusan untuk meniadakan Gerai Ramadan adalah langkah yang terbaik untuk semua. Ia juga dapat menghindarkan orang ramai dari berasak-asak. Memang diketahui orang *kitani* selalu berpusu-pusu kalau pergi ke satu tempat," jelas Dayang Mardiah binti Haji Omarali dari Kampung Pelambayan kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, ia juga dapat mengelakkan pembaziran dan masyarakat Islam dapat berbuka secara ala kadar dengan memasak sendiri juadah berbuka puasa nanti, di samping dapat mengeratkan lagi silaturahim bersama ahli keluarga masing-masing.

Sementara itu, Dayang Siti Nur Rohmawati dari RPN Lambak Kanan berkata, keputusan meniadakan gerai Ramadan mungkin akan menjejaskan beberapa pihak, terutamanya bagi peniaga-peniaga yang pastinya berasakan kekurangan pendapatan dan bagi pembeli, di mana tidak mempunyai masa untuk menyediakan penyediaan di rumah sepenuh

masa.

"Alhamdulillah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan kita adalah patut kita patuhi. Walau bagaimanapun, kerajaan kita mengambil berat dalam hal ini dengan mengalakkan peniaga-peniaga menjual secara *online* (*take away*), di mana bagi saya ini adalah langkah yang baik," ujar beliau.

Menurutnya, pada bulan Ramadan di tahun-tahun yang sudah, beliau hanya beberapa kali sahaja akan keluar membeli juadah berbuka di gerai-gerai Ramadan dan selebihnya memasak di rumah bersama keluarga.

"Sejak COVID-19 ini, di mana penutupan gerai atau ditiadakan, saya merancang untuk memasak di rumah dan mungkin juga saya akan membeli secara *take away* ataupun melalui khidmat penghantaran *delivery* daripada para peniaga tempatan nanti untuk memberi sokongan (*support local*) peniaga-peniaga kita," ujarnya menambah.

Bagi Dayang Nurul Ain binti Abdul Ghani dari Kampung Bunut pula, secara peribadinya, beliau turut terkesan dengan pengumuman bahawa gerai Ramadan akan ditiadakan tahun ini, namun baginya ia adalah satu langkah yang paling sesuai dilaksanakan memandangkan dengan situasi yang dialami di



DAYANG Siti Nur Rohmawati dari RPN Lambak.



DAYANG Nurul Ain binti Abdul Ghani dari Kampung Bunut.

negara masa kini.

"Dalam masa yang sama, ia dapat membantu *kitani* untuk mengelak daripada berkumpul di tempat keramaian dan teranah dirumah. *Kitani* mesti mengamalkan penjarakan sosial untuk sama-sama menghentikan penularan wabak dan memastikan jaminan keselamatan untuk semua," ujarnya.

Memandangkan semua orang akan berada di rumah tambahnya, kita akan dapat memasak di rumah, namun, orang ramai juga masih

dapat menempah makanan secara dalam talian.

"Apa yang mustahak sekarang ialah keselamatan dan kesihatan *kitani*. Bazar atau apa jua perayaan boleh dibuat bila-bila masa. Meskipun saya suka gerai-gerai Ramadan, namun, diri dan kesihatan saya adalah lebih penting. Tidak mengapa jika tiada gerai Ramadan tahun ini, insyaaAllah mungkin pada tahun hadapan. #stayhome #staysafe," jelasnya mengakhiri perbualan.

## Produk kesihatan dicemari bahan terlarang



PRODUK kesihatan, Evo-7 Japan Sachet, pengilang dari Evo Freedom International Sdn. Bhd. dicemari Tadalafil.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 9 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kesihatan, di mana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Sainifik, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa produk-produk tersebut didapati dicemari dengan ubat-ubatan barat yang tidak diisytiharkan.

Produk kesihatan berkenaan adalah Evo-7 Japan Sachet, pengilang dari Evo Freedom International Sdn. Bhd., dicemari Tadalafil.

Bahan-bahan pencemar dalam

produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Tadalafil dan Sildenafil adalah ubat yang digunakan untuk merawat mati pucuk yang memerlukan preskripsi doktor.

Antara kesan-kesan sampingan apabila memakan ubat tersebut, berasa mual, muntah-muntah, muka kemerahan dan pening.

Dalam kes-kes yang teruk, ia juga boleh menyebabkan peningkatan yang luar biasa dalam degupan jantung, kehilangan pendengaran secara tiba-tiba dan sawan.

Kementerian Kesihatan tidak

pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang membeli atau memakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta merta.

Jika mereka mengalami kesan *adverse* dan berasa tidak sihat selepas memakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara *online*, seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk, yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah.

Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah akan didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan ke Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai

boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan menerusi talian telefon +673 2393298 sambungan 208 atau menghantar e-mel ke [pharmacy.enforcement@moh.gov.bn](mailto:pharmacy.enforcement@moh.gov.bn)

atau berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.

## Curi wang ibu saudara : Dipenjara satu bulan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 9 April. - Seorang lelaki tempatan, berumur 21 tahun, disabitkan bersalah pada hari ini oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Bandar Seri Begawan atas kesalahan melakukan Sariah (Curi) di bawah bab 55(3)(b) daripada Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang setakat dikenakan hukuman ta'zir.

Dalam kejadian yang berlaku pada bulan Mac 2020, Muhammad Shafri Khairul Izzani bin Haji Muhammad Jeffri, didapati mencuri sebuah dompet dan wang tunai sebanyak BND180.00, milik ibu saudaranya daripada sebuah rumah di kawasan Kampung Danau, Daerah Tutong.

Pesalah dijatuhkan hukuman penjara selama satu bulan. Mahkamah juga memerintahkan supaya harta yang dicuri dikembalikan dan supaya pesalah membayar ganti rugi sebanyak BND180.00 kepada mangsa kerana wang yang dicuri digunakan oleh pesalah.

Siasatan dijalankan oleh Balai Polis Tutong, manakala pendakwaan dijalankan oleh Pendakwa Syarie dari Bahagian Pendakwaan Syarie, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



MUHAMMAD Shafri Khairul Izzani bin Haji Muhammad Jeffri, didapati mencuri sebuah dompet dan wang tunai sebanyak BND180.00, milik ibu saudaranya.

# JBP sahut seruan Kementerian Kesihatan adakan Kempen Derma Darah



**KEMPEN** derma darah anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi menyahut seruan Kementerian Kesihatan yang diadakan di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 April. - Sebagai salah sebuah Jabatan First Responder yang menangani kecemasan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) bukan hanya tertumpu dalam melaksanakan kerja-kerja kecemasan, bahkan juga terlibat sama dalam memberikan bantuan-bantuan lain seperti kebajikan, kemasyarakatan dan lainnya jika diperlukan.

Sehubungan itu, dalam usaha untuk mengawal jangkitan virus COVID-19, keanggotaan JBP juga terlibat sama dalam membantu pihak Kementerian Kesihatan di beberapa *check point* di Daerah Belait dan Daerah Temburong, serta pengawalan orang yang dikuarantin di hotel-hotel di Daerah Brunei dan Muara ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

Pada masa yang sama, warga JBP juga menyahut seruan Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan bekalan darah bagi menampung permintaan serta keperluan darah pada masa ini, untuk itu warga JBP mengadakan Kempen Derma Darah bertempat di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat pada 8 dan 9 April 2020, yang mana kempen tersebut juga dihadiri oleh orang awam.

Sebelum pendermaan darah dapat dilaksanakan, pihak JBP juga mengambil langkah-langkah keselamatan daripada jangkitan wabak COVID-19 ini dengan mengambil kira penjarakan sosial serta mengehadkan keramaian, di samping pihak Pusat Pendermaan Darah memberi jaminan keselamatan kepada para penderma, yang mana akan bertindak melakukan pemeriksaan suhu badan dan pemeriksaan kesihatan yang ketat serta



**PEMERIKSAAN** suhu badan dilakukan sebelum pendermaan darah dilakukan bagi memastikan keselamatan penderma dan penerima.

dinasihatkan memakai *mask*.

Di samping itu juga, orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama beramal sambil menderma kerana 'Setitik Darah Boleh Menyelamatkan Nyawa'.

JBP juga menasihatkan bahawa jika berlaku insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke Talian Kecemasan JBP 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

# Permintaan terhadap perkhidmatan disinfeksi terus meningkat



**PENGARAH** Urusan Ezee Clean Sdn. Bhd., Chris Wong ketika ditemu bual mengenai perkhidmatan disinfeksi (atas, kiri). Sementara gambar atas, kanan, kerja-kerja pembersihan secara menyeluruh bagi menghapuskan kuman.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Marlinawaty Hussin, Ihsan Ezee Clean Sendirian Berhad

**GADONG,** Rabu, 8 April. - Kebimbangan mengenai penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini membuatkan permintaan bagi perkhidmatan disinfeksi terus meningkat. Pelita Brunei berkesempatan menemubual Pengarah Urusan Ezee Clean Sdn. Bhd., Chris Wong, mengenai perkhidmatan disinfeksi yang ditawarkan syarikat berkenaan.

Menurut beliau, proses

disinfeksi tidak sama seperti pembersihan biasa. Ia melibatkan pembersihan secara menyeluruh bagi menghapuskan kuman.

"Pembersih kimia digunakan perlu mempunyai bahan aktif yang khusus, selain tidak memberi kesan sampingan kepada orang ramai," katanya ketika ditemui di Pejabat Ezee Clean Sendirian Berhad.

Sementara itu jelasnya, kaedah disinfeksi bergantung kepada



kawasan. "Proses disinfeksi bagi ruang pejabat adalah berbeza dengan kawasan perindustrian makanan," katanya.

Beliau menambah, salah satu kaedah yang digunakan ialah semburan kabus atau *fogging*. "Semburan dilakukan pada beberapa bahagian termasuk kerusi, lantai dan dinding bagi memastikan kawasan tersebut bebas kuman," katanya.

Semasa proses *fogging* dijalankan katanya, hanya individu yang menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) sahaja dibenarkan berada di dalam bangunan. Beliau berkata, proses disinfeksi memakan masa selama dua hingga empat jam serta memerlukan lebih 10 orang kakitangan.

Mengulas mengenai harga bagi perkhidmatan tersebut, Chris menjelaskan, harga yang ditawarkan adalah berpatutan dan bergantung kepada saiz pasaran di negara ini.

"Kami tidak dapat menawarkan harga terlalu rendah kerana kami juga mengambikira kos tenaga manusia, peralatan dan operasi," katanya.

Selain itu tambahnya, PPE mendapat permintaan sangat tinggi di seluruh dunia.

"Ia bukan sahaja digunakan oleh syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan disinfeksi, bahkan petugas barisan hadapan (*frontliners*) sangat memerlukannya," jelasnya lagi.

Keadaan tersebut sedikit

sebanyak memberikan kesan khususnya kepada kos perkhidmatan disinfeksi kerana harga material dan logistik juga turut meningkat, ujarinya lagi semasa ditemui Pelita Brunei.

Namun beliau berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei Darussalam kerana sentiasa memantau bekalan PPE tersebut.

Dalam pada itu katanya, selain perkhidmatan disinfeksi, memahami mengenai amalan kebersihan diri memainkan peranan penting bagi mengelakkan jangkitan.

"Walaupun cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) banyak digunakan, masih ada yang belum tahu cara penggunaan yang betul. Cara penggunaan cecair itu sama seperti amalan mencuci tangan tetapi tempohnya lebih singkat," jelasnya.

Mengenai keselamatan pekerja yang menjalankan tugas pembersihan, beliau memberitahu, risiko mereka adalah tinggi.

"Sehubungan itu, kami membekalkan PPE asas seperti topeng muka (*mask*), sarung tangan (*gloves*) dan cecair pembasmi kuman kepada para pekerja sejak awal Februari yang lalu. Kami turut membekalkan Vitamin C kepada para pekerja untuk meningkatkan sistem imun mereka," jelas beliau.

Ezee Clean Sdn. Bhd. merupakan syarikat perkhidmatan kebersihan yang mula beroperasi sejak tahun 2013 dan setakat ini mempunyai lebih kurang 20 orang kakitangan.

# Hargai frontliners!

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Ihsan Mas Fahri Azahari



JIKA dahulu, kita menyaksikan negara China berdepan detik getir menghadapi penularan wabak COVID-19, siapa menduga negara kita Brunei Darussalam sedang melalui hal yang sama. Negara kita sekarang berusaha menangani penularan wabak ini dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan berusaha sedaya upaya supaya penularan wabak ini dapat dibendung. Alhamdulillah jangkitan virus COVID-19 di negara kita semakin menurun, tetapi orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada dan tidak leka dengan jangkitan virus ini. Kita perlu pastikan Negara Brunei Darussalam bebas daripada ancaman COVID-19.

Berikutan dengan penularan wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan telah membuat pemindahan sementara perkhidmatan-perkhidmatan di Pusat Kesihatan Berakas dan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu bagi rawatan yang meliputi gejala demam, batuk, selesema, dan juga masalah pernafasan. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Pergigian juga dipindah sementara ke beberapa lokasi yang telah ditentukan. Bagi semua rawatan pergigian rutin (bukan kecemasan) dan perjanjian adalah ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Sementara itu, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Tutong juga telah memindahkan dan mengurangkan buat sementara waktu beberapa perkhidmatan di hospital ini untuk memberikan perkhidmatan perawat dan penjagaan pesakit-pesakit COVID-19.

Di sebalik COVID-19 ini, setentunya orang yang paling sibuk ialah para *frontliners* kita. Menggalas tanggungjawab sebagai *frontliners* COVID-19 bukanlah sesuatu yang mudah. Tidak dinafikan mereka juga terpaksa berdepan dengan risiko jangkitan demi merawat pesakit positif COVID-19. Masyarakat perlu memahami tugas-tugas *frontliners* bukanlah tugas yang mudah bahkan ada

mereka ini yang terkorban kerana dijangkiti virus tersebut semasa merawat pesakit seperti yang terjadi di luar negara. Jangan sampai perkara seperti itu terjadi di negara ini akibat kedegilan kita yang enggan mematuhi arahan yang diberikan.

## Siapakah Frontliners?

*Frontliners* kita adalah hero dan heroin yang tidak didendang. Mereka berkorban segalanya untuk kita. Mereka bukan sahaja terdiri daripada para doktor, jururawat bahkan juga juruteknik, kerani dan pembersih yang bertugas di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Tanpa mengira pangkat, mereka sentiasa terdedah kepada risiko jangkitan.

Mereka ini sangat berani kerana berdepan risiko tinggi demi menyelamatkan ramai nyawa. Sewajarnya perasaan hormat dan kagum dengan keberanian serta semangat mereka dapat menyuntik semangat petugas lain dalam sama-sama membendung penularan virus COVID-19.

Begitu juga bagi mereka yang membuat tugas melaksanakan saringan COVID-19 merupakan *frontliners* yang tanpa disedari boleh terkena virus tersebut daripada mereka yang positif COVID-19. Tanpa mengira tugas yang mereka buat, mereka tetap *frontliners* yang berisiko tinggi.

Selain daripada para doktor dan jururawat yang merawat pesakit dan membuat saringan COVID-19, *frontliners* lain seperti para juruteknik juga berhadapan dengan risiko jangkitan virus. Tugas mereka seperti membaiki peralatan yang rosak serta memastikan semua *medical equipment* berfungsi dengan baik dan selamat digunakan juga menjadi tanggungjawab mereka apatah lagi pesakit yang ditempatkan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ini perlu perhatian khusus dengan kelengkapan mesin perubatan yang selamat dan berfungsi dengan baik.

Pada masa ini *frontliners* lebih dikenali dengan baju yang sudah terkenal di seluruh dunia. Bukan kerana kecantikan baju tersebut mahupun harganya tetapi lebih kepada faktor-faktor keselamatan. Mereka ini memakai baju khusus yang boleh melindungi mereka daripada terkena jangkitan COVID-19. Baju yang

dimaksudkan ialah Peralatan Perlindungan Diri (PPE). Sering terbaca rintihan mereka yang bertugas di luar negara mengenai PPE yang dipakai selama berjam-jam lamanya, yang mana mereka dalam keadaan panas dan berpeluh-peluh kerana baju yang dipakai dibuat daripada plastik yang khusus untuk melindungi diri daripada terkena jangkitan virus tersebut. Malah ada wajah *frontliners* di luar negara yang berbirat, luka dan mempunyai kesan lebam kerana memakai penutup muka dalam keadaan yang agak lama. Bayangkanlah bagaimana perasaan mereka? Begitulah juga situasi yang dihadapi oleh *frontliners* kita. Kelelahan kerana bertugas dalam waktu yang agak panjang kerana merawat pesakit seharusnya menjadikan kita masyarakat yang peka dengan pengorbanan mereka. Patuhi segala arahan supaya tidak terkena jangkitan agar mereka mempunyai masa rehat yang mencukupi sebelum bertugas semula.

Jangan lupa *frontliners* juga mempunyai keluarga yang sentiasa prihatin dengan kesihatan dan keselamatan mereka semasa bertugas. Tidak dinafikan dalam keadaan ini, ada para isteri yang risau tentang suami mereka, ada suami yang bimbang keberadaan isteri bertugas di tempat yang berisiko tinggi, ada anak yang merindui ayah atau ibu yang sudah lama tidak dijumpainya. Dan kita sanggup mengkhianati dan menisia-siakan pengorbanan mereka? Jadilah kita anggota masyarakat yang bertimbang rasa dan jangan pertingkatkan diri sendiri!

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khasnya Kementerian Kesihatan berulang kali menyeru supaya sentiasa mematuhi arahan dengan penjarakan sosial, sentiasa menjaga kebersihan pada tahap maksima dan sentiasa berada di rumah serta jangan keluar rumah jika tidak perlu semata-mata untuk membendung penularan jangkitan. Dengan memutuskan rangkaian virus ini boleh mengurangkan jumlah jangkitan virus. Kurang jangkitan bermakna kurang pesakit yang dirawat dan ini dapat mengurangkan beban kerja

*frontliners* ini.

## Sikap Enggan Patuh Arahan Sangat Dikesali

Sikap kelompok masyarakat yang enggan mematuhi Perintah Pengasingan Diri juga semakin menyukarkan segalanya. Apa yang dikesali ada yang masih bertemu keluarga, kawan bahkan pergi ke pusat-pusat membeli-belah semasa tempoh pengasingan ini tanpa rasa bersalah sedikit pun hingga ada yang terjangkit virus ini tanpa disedari. Bahkan ada juga yang sanggup melarikan diri dan akibatnya, petugas kesihatan kini menerima tanggungjawab yang cukup besar untuk merawat pesakit yang terjangkit.

Sudahlah bergelut setiap hari untuk bertugas pada waktu bekerja yang panjang, sikap mementingkan diri daripada masyarakat secara berterusan menguji kesabaran *frontliners* ini. Dalam pada itu, ada juga *frontliners* yang terkena jangkitan koronavirus sewaktu gigih merawat semua penghidap seperti kes di luar negara. Buat petugas beragama Islam pula, sesetengahnya terpaksa solat jamak atau qada setelah bertugas selama berjam-jam.

## Kesimpulan

Dengan keadaan jumlah jangkitan yang semakin menurun ketika ini, orang ramai perlu diingatkan untuk tidak mudah berasa selesa, sebaliknya berusaha sama-sama membantu pihak kerajaan dalam membendung penularan wabak ini daripada terus merebak.

Jadilah rakyat yang bertanggungjawab dengan memudahkan tugas *frontliners* dengan memberikan kerjasama, mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak-pihak yang berkenaan serta memberikan maklumat yang tepat dan jujur berkaitan sejarah perhubungan dan rekod perjalanan masing-masing jika diminta. Jangan menipu semata-mata untuk melepaskan diri daripada dikuarantin. Hargailah *frontliners*, mereka telah berkorban untuk kita.



# Korban COVID-19 seluruh dunia melebihi 90,000, PBB seru semua negara bersatu lawan COVID-19



**BEIJING, 10 April.** - Dunia kini umpama berada di medan peperangan untuk melawan COVID-19 yang semakin mengganas, virus maut itu sudah merebak ke lebih 200 negara dan wilayah, lapor agensi berita Xinhua.

Di WASHINGTON, ujian klinikal untuk menilai keselamatan dan keberkesanan hydroxychloroquine, ubat antimalaria sudah bermula, dalam usaha mencari penawar penyakit COVID-19, menurut Institut

Kesihatan Negara (NIH) Amerika Syarikat pada Khamis.

Peserta pertama telah mendaftar untuk menyertai ujian klinikal itu di Vanderbilt University Medical Center, Tennessee.

Di BRUSSELS pula menyaksikan Menteri Kewangan Eurogroup pada Khamis bersetuju mengenai pakej kewangan bernilai setengah trilion euro untuk membendung wabak itu.

Di NEW YORK, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio

Guterres menyeru semua negara anggota Majlis Keselamatan bersatu bagi menepani pandemik COVID-19.

"Penglibatan Majlis Keselamatan penting untuk mengurangkan implikasi keamanan dan keselamatan akibat pandemik COVID-19," katanya dalam satu taklimat secara maya.

"Sudah tentu perpaduan amat penting pada masa yang mencemaskan ini."

Di GENEVA, kadar kematian akibat COVID-19 dianggarkan 10

kali lebih tinggi berbanding influenza, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Tedros Adhanom Ghebreyesus.

Bercakap pada taklimat Misi COVID-19 dari Geneva pada Khamis, beliau berkata setakat ini, lebih 1.3 juta orang dijangkiti dan hampir 80,000 terkorban.

Ujarnya, pandemik ini adalah lebih teruk daripada krisis kesihatan, ia memerlukan seluruh kepemimpinan kerajaan dan masyarakat bersama-sama

berganding bahu untuk memerangi wabak itu.

Di LONDON, Perdana Menteri Britain Boris Johnson pada Khamis dipindahkan ke wad selepas beberapa hari ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU).

Menurut seorang jurucakap, perdana menteri itu akan terus dipantau dalam fasa awal pemulihan, selepas dijangkiti COVID-19.

Di NEW YORK, pada Khamis petang Johns Hopkins University menerusi data terkini mendedahkan angka korban COVID-19 melebihi 90,057 orang di seluruh dunia. - ©BERNAMA

## 108 termasuk pengedar dadah ditahan sepanjang PKP



**SALAH** seorang individu yang ditahan oleh anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Nilai kerana melanggar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah memasuki Fasa Kedua pelaksanaannya ketika Operasi PKP di sekitar daerah ini malam tadi. Langkah penguatkuasaan PKP yang bermula 18 Mac lalu sehingga 14 April ini adalah saranan kerajaan untuk orang ramai agar terus berada di rumah agar dapat mengekang penularan COVID-19. - ©BERNAMA

**SEREMBAN, 10 April.** - Sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu hingga semalam, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Negeri Sembilan, telah menahan seramai 108 individu termasuk 31 orang pengedar dadah dan merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM50,040.

Dalam pada itu, Bahagian Perlucutan Harta JSJN Negeri

Sembilan turut menyita harta berjumlah RM110,794, melibatkan wang dalam akaun sebanyak RM44,694, kenderaan bernilai RM64,500 dan barang kemas bernilai RM1,600.

Ketua JSJN negeri Supt Pang Jin Lai berkata, kesemua mereka yang ditahan berusia dalam lingkungan 18 hingga 41 tahun itu, terdiri daripada pengedar dadah seramai 31 orang termasuk tiga wanita, 37 orang termasuk seorang wanita (kesalahan

memiliki dadah) dan 40 orang termasuk seorang wanita (penagih dadah).

"Dalam tempoh penguatkuasaan PKP, kita telah membuat serbuan dan tangkapan dan turut merampas pelbagai jenis dadah iaitu ganja dianggarkan seberat 5.73 kilogram (kg), syabu seberat 119 gram (g), heroin seberat 128g, daun ketum 3.5kg dan air ketum 9.5 liter," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Pang berkata, dalam kes terbaharu, pihaknya semalam telah melancarkan Ops Khas di kawasan Felda Palong, Gemas dan telah menahan lima lelaki berusia 27 hingga 59 tahun serta merampas dadah jenis heroin dianggarkan seberat 88.68g dan syabu seberat 12.77g bernilai RM5,550.

"Hasil ujian saringan air kencing yang dilakukan terhadap empat orang suspek didapati positif dadah dan namun kelima-lima suspek mempunyai rekod jenayah lampau dan narkotik. Suspek semua ditahan reman sehingga 17 April ini untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Kesemua suspek juga akan didakwa kerana melanggar Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020," katanya. - ©BERNAMA

## COVID-19 : Thailand sahkan 50 kes baharu, satu kematian

**BANGKOK, Jumaat, 10 April.** - Thailand merekodkan 50 kes baharu COVID-19 dan satu kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 2,473 kes dan 33 kematian sejak penularan wabak itu pada Januari.

Jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) Thaweesilp Wissanuyothin berkata kematian itu melibatkan seorang wanita warganegara Thailand berumur 43 tahun yang menghidap Systemic lupus erythematosus (SLE).

"Virus itu telah merebak ke 68 daripada 77 wilayah di Thailand. Daripada 2,473 kes, Bangkok merekodkan 1,262 kes diikuti Phuket 166 kes, Nonthaburi (148), Samut Prakan (108), Yala (77), Chon Buri (73), Pattani (66), Songkhla (47) dan Chiang Mai (40).

"Daripada 2,473 kes, sebanyak 2,473 telah pulih dah didiscaj daripada hospital," katanya semasa taklimat harian COVID-19 di sini, hari ini.

Beliau berkata kebanyakan kes COVID-19 yang dilaporkan di Thailand terdiri daripada tiga kumpulan iaitu kumpulan yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit yang disahkan, warga Thailand yang pulang dari luar negara dan kerjaya yang berisiko.

Mengenai sambutan Festival Songkran dari 13 hingga 15 April, Thaweesilp menyeru orang ramai supaya mengelak daripada melakukan perjalanan dan melawat ibu bapa di kampung halaman bagi mengelak kumpulan berisiko itu dijangkiti virus berkenaan.

"Ramai yang mungkin merancang untuk pulang ke rumah dan melawat ibu bapa serta mengadakan perjumpaan dengan keluarga. Pada masa ini, perhimpunan akan meningkatkan kadar jangkitan dalam kalangan warga tua.

"Setiap orang perlu mengamalkan penjarakan sosial dan berada di rumah," katanya.

Sementara itu, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Pornpipat Benyasri berkata kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan masa perintah berkurung meskipun terdapat lebih 1,000 orang yang melanggar perintah itu sejak pelaksanaannya pada 3 April.

Setakat hari ini, sebanyak 1,152 telah melanggar perintah berkurung. Perdana Menteri Jeneral Prayuth Chan o-cha mengumumkan perintah berkurung di Thailand dari 10 malam sehingga 4 pagi pada 3 April lepas bagi mengurangkan penularan wabak COVID-19 di negara itu. - ©BERNAMA

## Kematian akibat virus COVID-19 di Indonesia kini berjumlah lebih 300 kes

**JAKARTA, 10 April.** - Sebanyak 26 lagi kematian akibat virus COVID-19 dilaporkan di Indonesia dalam tempoh 24 jam sejak pukul 12 tengah hari semalam, menjadikan jumlahnya kini meningkat kepada 306 kes.

Jurucakap Pemerintah Indonesia berkenaan COVID-19, Achmad Yurianto berkata dalam tempoh yang sama jumlah kes positif virus itu bertambah 219, menjadikan jumlahnya kini 3,512 kes.

Provinsi Jakarta mencatatkan jumlah kematian tertinggi iaitu 154 kes, diikuti Jawa Barat (40 kes), Jawa Tengah (22), Jawa Timur (22) dan selebihnya di wilayah-wilayah lain di Indonesia.

Bermula hari ini, kota Jakarta juga dikuatkuasakan lagi tambahan peraturan menerusi perintah Perbatasan Sosial Berskala Besar (PSBB), yang antaranya mewajibkan pemakaian penutup hidung dan mulut ketika di luar rumah.

Perintah itu turut mengehadkan jumlah penumpang dalam kenderaan awam dan persendirian yang tidak melebihi 50 peratus daripada kapasiti kenderaan berkenaan, melarang penunggang motosikal membawa pembonceng, restoran atau kedai makan hanya dibenarkan menjual makanan yang dibungkus sahaja, serta tidak boleh berkumpul melebihi lima orang.

Setakat ini PSBB itu dikuatkuasakan sehingga 23 April, dan mereka yang melanggar peraturan itu boleh dikenakan hukuman denda maksimum Rp100 juta (hampir RM30,000) dan penjara maksimum setahun. - ©BERNAMA

## COVID-19 : Taiwan sahkan dua lagi kes jangkitan, satu kematian

**TAIPEI, Jumaat, 10 April.** - Dua kes baharu COVID-19 dan satu kematian dilaporkan di Taiwan pada Jumaat, menjadikan jumlah kes sebanyak 382 sejak pandemik mula melanda, lapor Agensi Berita Pusat (CNA).

Kes baharu itu melibatkan wanita berusia 20-an, baru pulang dari Amerika Syarikat pada 30 Mac lalu, kata Menteri Kesihatan Chen Shih-chung merangkap

ketua Pusat Kawalan Epidemik (CECC).

Satu lagi kes jangkitan membabitkan seorang lelaki berusia 60-an. Sebelum itu dia bersama isterinya melawat saudara di Indonesia dari 16 Februari hingga 29 Mac. Dia diuji positif COVID-19 pada 8 April.

Sementara itu, seorang pesakit COVID-19 berusia 70-an meninggal dunia pada Khamis,

kata CECC. Lelaki itu, sebelum ini pernah melawat Mesir dari 3 hingga 12 Mac. Mula menunjukkan gejala pada 17 Mac dan disahkan positif pada 19 Mac.

Keadaan kesihatannya mula merosot pada 20 Mac dan dipindahkan ke unit rawatan rapi, sebelum disahkan meninggal dunia pada 9 April. - ©BERNAMA

# Sumbangan tangani COVID-19 terus dihulur



ePaper Pelita Brunei

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 9 April. - Kementerian Kesihatan menerima sumbangan-sumbangan, iaitu sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) daripada pihak-pihak penderma dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Setia Motors Sdn. Bhd. menyerahkan sumbangan cek bernilai BND30,000, disampaikan oleh Pengarahnya, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Ghaffar bin Pengiran Anak Haji Idris; Petronas Carigali Brunei Ltd. (PCBL) yang menyerahkan sumbangan cek bernilai BND100,000, disampaikan oleh Head of HRM and Admin, Pengiran Hajah Nor'Camellia Pengiran Haji Mohiddin; TSL Construction Sdn. Bhd. menyerahkan sumbangan cek bernilai BND30,000, disampaikan oleh Pengarah Urusan, Tang Sun Lee; Hj. Daud Properties menyerahkan sumbangan cek bernilai BND20,000, disampaikan oleh wakil daripada Hj. Daud Properties; Archipelago Development menyerahkan sumbangan cek bernilai BND10,000, disampaikan oleh Chief Operating Officer, Jeffrey Sim; Shipping Association of Brunei Darussalam (SABD) menyerahkan sumbangan cek bernilai BND10,000, disampaikan oleh Naib Presiden SABD, Lim Jin Yong.

Manakala Brunei Gas Carriers menyerahkan sumbangan 86 kotak 3M Disposable Respirators, 198 paket CPE Shoe Covers, 1026 Face Visors, 174 kotak Aprons dan 236 paket Head Covers, disampaikan oleh Representative Ship 2nd Engineer Officer (wakil kepada Managing Director, John Cook), Awang Haji Nor Mahadi bin Haji Hosaini; BLNG menyerahkan sumbangan 650 Scrubs, disampaikan oleh Finance

Manager / Chairman of Sponsorship Committee, Pengiran Mas Norhazilinah Pengiran Momin bagi pihak Managing Director / Chief Executive Officer, Patrice Girard; PDS Abattoir Sdn. Bhd. menyerahkan sumbangan cek bernilai BND30,000, disampaikan oleh Pengurus Am, Awang Haji Muhammad Sabirin Othman.

Sumbangan tersebut diterima oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar di Bilik Tetamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan, di sini.

Sementara Walltique Sdn. Bhd. turut menyerahkan sumbangan cek bernilai BND2,000, disampaikan oleh Pengarah Urusan, Loh Swee Sen; Stesen Minyak Koperasi Persatuan Tiba (KOTIBA) menyerahkan sumbangan cek bernilai BND3,000, disampaikan oleh Pengerusi, Awang Haji Omar bin Haji Mohd. Tahir bersama Penasihat, Awang Haji Gharif bin DSL Haji Samad; dan Timbalan Pengerusi, DSS Haji Adam bin Haji Ahmad.

Boza Group of Companies pula menyerahkan sumbangan cek bernilai BND2,000, disampaikan oleh Pengarah Urusan, Awang Khairul Yazimanuddin Haji Borhanuddin; Megabond Sdn. Bhd. menyerahkan sumbangan 118 karton air mineral, disampaikan oleh Pengarah, Lew Hong Peng; dan Brunei Association of Japan Alumni menyerahkan sumbangan 12 karton air mineral, disampaikan oleh Treasurer, Dayangku Habibah binti Pengiran Haji Hidup.

Pada 7 April 2020 lalu, Kementerian Kesihatan juga menerima sumbangan cek bernilai BND5,000, diserahkan oleh Puan Anita Ramlee.

Sumbangan-sumbangan berkenaan diterima oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Teknologi Penjagaan Kesihatan, Awang Rudy bin Haji Harun dan berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kemeterian Kesihatan.



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan menerima sumbangan daripada Setia Motor Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Pengarahnya, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Ghaffar bin Pengiran Anak Haji Idris (kiri).

# JHEM terima sumbangan barangan keperluan kebersihan



**PEMANGKU** Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (kanan) semasa menerima sumbangan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 10 April. - Dalam usaha untuk membendung penularan wabak COVID-19, pelbagai cara dan usaha dilakukan antaranya, menjaga kebersihan diri, seperti kerap mencuci tangan dan sebagainya.

Sehubungan itu, alhamdulillah Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU) sekali lagi menerima sumbangan daripada pelbagai pihak, sektor kerajaan dan sektor swasta, berupa barang keperluan, seperti pemeriksa suhu panas badan (termometer), barang pencuci kebersihan diri dan juga bangunan sebagai salah satu usaha untuk membendung penularan wabak COVID-19 tersebut kepada pihak yang

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

memerlukan, seperti di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Sebanyak 200 termometer dan 500 botol *hand sanitizer* disumbangkan oleh Kementerian Kesihatan. Manakala 50 *termometer* disumbangkan daripada Hamba Allah. Sementara 96 botol Sabun Pencuci Tangan disumbangkan oleh Syarikat Rabiah Bte Matahir Sdn. Bhd. Manakala dari Syarikat Bokkitta Hijab Lumut menyumbangkan sebanyak 44 botol LEO Bleach, 28 botol Leo Toilet Cleaner dan 12 botol *hand sanitizer*.

Selain itu, sebanyak 108 sabun pencuci tangan disumbangkan oleh kumpulan wakaf perseorangan. Manakala dari Syarikat HSAF Securecomm Brunei menyumbangkan sebanyak 100 botol *hand sanitizer* dan 100 botol Sabun Pencuci Tangan.

Sumbangan daripada Hamba Allah yang lain pula berupa Clorox sebanyak 19 botol, Sabun Pencuci Tangan sebanyak 20 botol, Dettol 550ml sebanyak 10 botol, *hand sanitizer* sebanyak 20

botol, Harpic sebanyak 18 botol dan tuala sebanyak 22 helai.

Sumbangan derma tersebut, masing-masing diterima oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Haji Ali. Turut hadir menyaksikan pemberian sumbangan tersebut, Pegawai dan Kakitangan dari

JHEM.

Semoga dengan adanya usaha seumpama ini dan kerjasama juga keprihatinan daripada semua pihak, wabak COVID-19 ini akan dapat kita tangani dengan segera dan berdoa agar Allah mengurniakan kesembuhan kepada pesakit dan melindungi kita semua, sekali gus terhapus wabak dahsyat tersebut dari bumi ini.

## Tahukah Awda

**P**EMBINAAN Makmal Virologi tambahan yang terletak di Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan telah dilaksanakan bagi menampung keperluan ujian makmal COVID-19. Sehubungan itu Majlis Penyerahan Kunci dan Perasmian bangunan disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada 30 Mac 2020. Bangunan ini akan berfungsi sebagai Unit Molekular Diagnostik bagi jangkitan virus respiratori dan akan dikhususkan bagi ujian penganalisaan COVID-19. Unit tersebut mempunyai empat buah bilik utama iaitu makmal penerimaan contoh, makmal memproses contoh, makmal penyediaan *reagent* dan makmal *amplification*. Dengan terbinanya bangunan tambahan ini, kapasiti ujian sampel akan dapat ditingkatkan lagi dengan menggunakan prosedur *semi-automated*. Kapasiti ujian sampel secara maksima dalam sehari ialah sebanyak 240 sampel dengan menggunakan kaedah manual.

**SUMBER :** Pelita Brunei, Rabu, 30 Mac 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**LAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL, BUDAYAKAN LANGKAH PENCEGAHAN**

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam